

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 22 MAC 2023

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah dan strategi dalam mendepani permasalahan perangkap pendapatan sederhana (*Middle Income Trap*) selepas pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia mencapai status negara berpendapatan pertengahan (middle income) pada tahun 1992. Ekonomi Malaysia telah berkembang dengan baik melalui peralihan struktur daripada ekonomi berasaskan pertanian dan komoditi kepada pembuatan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang mengekang pertumbuhan ekonomi negara seperti ketidaktentuan persekitaran dan krisis ekonomi global yang menyebabkan Malaysia masih belum dapat keluar daripada kategori negara berpendapatan pertengahan.

Berdasarkan pencapaian ekonomi semasa, Malaysia dianggar akan mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2026, sekiranya kadar pertumbuhan kekal berada pada kadar 4% hingga 5% bagi tempoh tiga tahun akan datang. Walau bagaimanapun, Bank Dunia pula menganggarkan Malaysia akan mencapai status tersebut antara tahun 2024 hingga 2028.

Kerajaan akan memberi tumpuan kepada tiga perkara utama, iaitu melaksana reformasi struktur ekonomi, mengenal pasti sumber pertumbuhan baharu dan mengukuhkan kedudukan fiskal negara.

Kerajaan komited untuk melaksanakan usaha mereformasi struktur ekonomi ke arah rantai nilai yang lebih tinggi bagi mengukuhkan pertumbuhan dan meningkatkan produktiviti dalam semua sektor. Selain itu, penekanan akan diberi kepada sumber pertumbuhan baharu daripada sektor strategik dan berimpak tinggi, antaranya industri elektrik dan

NO SOALAN: 9

elektronik (E&E), perkhidmatan global, aeroangkasa, industri kreatif, pelancongan, halal, biojisim dan aktiviti pertanian pintar. Penekanan akan diberikan untuk meningkatkan penerimgunaan teknologi dan pendigitalan, termasuk pembangunan pusat data. Selain itu, industri yang mementingkan alam sekitar seperti kereta elektrik dan tenaga boleh diperbaharui, terutamanya tenaga solar dan teknologi bateri akan turut diberi perhatian.

Di samping itu, sektor swasta akan terus dipacu sebagai rakan pembangunan dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan pelaburan yang berkualiti dan berteknologi tinggi. Pelaburan akan ditumpukan kepada jentera dan peralatan, terutamanya ICT. Bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI), Kerajaan akan memberi tumpuan kepada syarikat yang membantu firma tempatan untuk memperoleh akses pasaran serta pemindahan teknologi dan pengetahuan. Selain itu, PEMUDAH akan diaktifkan semula bagi mempercepat dan memudahkan urusan perniagaan dan industri serta menjalin hubungan strategik yang kukuh di antara pihak Kerajaan dan swasta. Peranan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan terus diperkasa sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi.

Penekanan kepada pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi juga dijangka mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti yang akan memberi manfaat kepada golongan pekerja. Dalam hubungan ini, pembangunan ekosistem bakat berkualiti akan terus diperkasa melalui program atau aktiviti bagi merapatkan jurang kemahiran melalui pengukuhan kerjasama strategik antara industri dan akademia. Usaha ini penting untuk menangani isu kekurangan pekerja mahir dalam

NO SOALAN: 9

menyokong peralihan sektor ekonomi ke arah aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Usaha akan dipertingkat untuk mengukuhkan kedudukan fiskal negara melalui peningkatan hasil dan mensasarkan semula subsidi kepada kumpulan yang lebih memerlukan. Tadbir urus fiskal yang lebih baik dan cekap dapat membantu Kerajaan untuk mengoptimumkan sumber kewangan dan membiayai lebih banyak projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Di samping itu, Badan Penasihat Khas Menteri Kewangan telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu Kerajaan mengukuhkan kedudukan fiskal.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Ekonomi juga sedang dalam proses penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas. Tumpuan akan diberikan untuk mempercepatkan pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Strategi dan inisiatif yang sedia ada sedang disemak semula serta beberapa strategi dan inisiatif baharu bakal diperkenalkan sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan ekonomi negara kekal kukuh, berdaya tahan dan mampan tanpa menjejaskan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Semua strategi dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksana diharap akan dapat memastikan kestabilan ekonomi negara dan meningkatkan kuasa beli rakyat secara menyeluruh. Fokus kepada pelaksanaan strategi dan inisiatif ini juga diharap dapat mempercepat pencapaian ke arah negara berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUIING JELUING
TARIKH : 22 MAC 2023**

Dato Dr. Nuing Jeluing minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kos sara hidup dengan memastikan harga barangan makanan tidak meningkat diluar jangkauan golongan kurang berkemampuan (B40).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan sedar bahawa peningkatan kos sara hidup pada masa ini sering dikaitkan dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di samping pergerakan gaji ataupun pendapatan yang agak perlahan. Bagi menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh, Kementerian ini telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif yang tidak lain tidak bukan bagi membantu menstabilkan semula kos sara hidup rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos sara hidup yang membelenggu rakyat pada ketika ini bukanlah hanya masalah ekonomi semata, namun ianya mempunyai cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi termasuklah yang bersifat struktural dan tidak hanya melibatkan B40 semata, namun golongan lain seperti M40 dan T20 juga dilihat terkesan. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri telah mengambil beberapa pendekatan sebagai langkah mengurangkan kos sara hidup terutama barangan makanan yang dikaitkan dengan soalan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran makanan negara dan Kementerian Perladangan dan Komoditi yang bertanggungjawab mengenai minyak masak telah bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk memastikan harga barangan makanan di tahap kemampuan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelbagai inisiatif dan tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup telah dibawa ke pengetahuan serta diputuskan oleh Jemaah Menteri sebagai komitmen berterusan Kerajaan. Antara perkara tersebut adalah:

- (i) Jemaah Menteri bersetuju pada 14 Disember 2022 yang lalu bahawa **subsidi elektrik** bagi pengguna domestik, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), industri dalam sektor pertanian serta beberapa industri terpilih lain terus diberikan sehingga Disember 2023 yang secara tidak langsung dapat mengawal harga barangan berunsur makanan yang dikenakan kepada pengguna;
- (ii) Jemaah Menteri juga bersetuju **subsidi ayam dan telur ayam** diteruskan sehingga Jun 2023;
- (iii) Jemaah Menteri bersetuju dengan pelaksanaan **inisiatif Payung Rahmah** sebagai pelan jangka pendek KPDN yang merangkumi lima (5) program utama bagi membantu golongan rentan antaranya Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Kafe Rahmah dan Menu Rahmah:
 - a. **Bakul Rahmah** adalah inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenal pasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan sasar pada setiap bulan;

- b. **Jualan Rahmah** adalah inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya. KPDN juga boleh memberi permit Notis Jualan Murah (NJM) bagi Jualan Rahmah sehingga maksimum 4 bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang;
- c. **Pakej Rahmah** adalah inisiatif yang menyokong Niaga Rahmah yang mana pemain industri menyediakan pelbagai jenis pakej dengan pengurangan harga sekurang-kurangnya 30 peratus daripada harga *Recommended Selling Price* (RSP) dengan harga minimum RM50 dan tidak kurang daripada 3 item dalam satu pakej;
- d. **Kafe Rahmah** adalah bertujuan untuk memberikan hidangan makanan percuma kepada pelajar Universiti Awam (UA) yang memerlukan. Kafe Rahmah ini merupakan inisiatif berbentuk tanggungjawab sosial korporat oleh pengusaha-pengusaha restoran dan terbuka kepada mana-mana pihak lain yang berminat; dan
- e. **Menu Rahmah** seperti yang Ahli Berhormat sedia maklum, ia merupakan usaha besar oleh peniaga dengan memberikan pakej makanan pada harga maksimum RM5 untuk membantu golongan yang memerlukan bagi mendapatkan makanan bermasak yang mampu bayar.

- (iv) Memperluas **Program Community Drumming** ke kawasan baharu antaranya Paloh dan Passin, Sarawak, Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, program ini merupakan inisiatif Kerajaan untuk menampung kos pengangkutan dan pengedaran bagi tujuh (7) barangan keperluan seperti beras, gula, minyak masak, tepung, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95 dan diesel bagi memastikan bekalan yang mencukupi di luar bandar serta memastikan rakyat di luar bandar ini dapat membeli barangan kawalan pada harga berpatutan seperti mana di bandar;
- (v) KPDN telah menjalankan **tindakan penguatkuasaan** melalui pemeriksaan harga di premis makanan seperti Ops Catut, Ops Samar dan Ops Menu untuk melindungi hak pengguna dan pelanggan daripada aktiviti tidak bertanggungjawab peniaga yang mencatut harga sesuka hati;
- (vi) Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan **pemberian subsidi minyak masak paket** yang terbuka kepada semua golongan untuk mendapatkan minyak masak berpatutan dan berkualiti pada harga RM2.50 per paket; dan
- (vii) **Penetapan harga siling bergerak** bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, keputusan berkaitan dengan harga dua peringkat atau *two-tier pricing* bagi minyak masak sawit kemasan botol juga sedang diperincikan oleh Kementerian Peladangan dan Komoditi, inisiatif berkaitan meningkatkan pengeluaran pertanian terutamanya bagi komoditi ayam dan telur ayam serta Jualan Terus Dari Ladang oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga sedang diambil tindakan bagi membantu rakyat mendapatkan barangan makan terutamanya bagi golongan B40.

Pada masa yang sama Kementerian turut melaksanakan dua (2) Bengkel Kos Sara Hidup berkaitan dengan inisiatif yang boleh dilaksanakan negara dan subsidi bersasar. Kerajaan akan mengumumkan langkah-langkah jangka pendek dan sederhana yang melibatkan program sedia ada dan baharu dalam membantu terus rakyat daripada golongan sasar. Akhirnya, dalam tempoh enam (6) hingga 12 bulan Kerajaan dapat memperincikan semula hala tuju jangka panjang terutamanya berkaitan dengan pendapatan dan pelaksanaan subsidi dengan lebih efektif dan efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk membawa pulang warga Malaysia yang terkandas di Kemboja sebagai mangsa jenayah penipuan kerja.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sehingga **21 Mac 2023**, Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh telah menerima sejumlah **287** laporan mengenai rakyat Malaysia menjadi mangsa sindiket jenayah penipuan pekerjaan (*job scam*) di Kemboja. Daripada jumlah ini, **261** orang telah berjaya diselamatkan, di mana **246** orang daripada mereka telah dihantar pulang ke tanah air dan baki **15** orang masih di depoh tahanan sementara menunggu proses penghantaran pulang. Manakala **26** orang masih lagi sedang dikesan.

3. Kementerian khususnya Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh telah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya bagi menangani isu ini, termasuk mengadakan perjumpaan dan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan di Kemboja dalam mengesan dan menyelamatkan mangsa-mangsa. Antara perjumpaan yang diadakan adalah antara Duta Besar Malaysia ke Kemboja dengan Timbalan Perdana Menteri Kemboja pada tahun lepas. Kedutaan juga

menghulurkan bantuan konsular kepada mangsa-mangsa untuk pulang ke tanah air setelah mereka diselamatkan.

4. Pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri telah mengadakan perjumpaan dengan Duta Besar Kemboja ke Malaysia bagi menyuarkan pendirian Kerajaan terhadap sindiket jenayah penipuan pekerjaan yang melibatkan rakyat Malaysia, serta memohon kerjasama Kerajaan Kemboja untuk membantu mengesan dan menyelamatkan mangsa rakyat Malaysia di negara tersebut.

5. Melalui Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan untuk menangani isu *job scam* ini, dengan izin, Kementerian turut menyelaraskan satu Lawatan Kerja ke Phnom Penh bersama Polis Diraja Malaysia pada Januari 2023 lalu untuk mengadakan perbincangan dengan pihak berkuasa Kemboja dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala antara pihak berkuasa kedua-dua negara.

6. Justeru itu, Kementerian Luar Negeri dan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara akan terus berusaha untuk mengesan dan menyelamatkan rakyat Malaysia yang terjejas akibat sindiket jenayah penipuan pekerjaan, serta menghulurkan bantuan konsular sewajarnya kepada mangsa dan ahli keluarga mereka, dengan matlamat memastikan kebajikan rakyat Malaysia di luar negara sentiasa terpelihara dan mangsa yang terlibat kembali dengan selamat ke tanah air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 22 MAC 2023**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam seratus hari yang pertama untuk menangani isu kenaikan harga barangan asas, yang terus menyusahkan rakyat. Mohon nyatakan secara spesifik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Menangani isu kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh merupakan satu usaha berterusan dan panjang. Ini termasuklah menangani isu kenaikan harga barangan asas, yang berlaku disebabkan pelbagai faktor sama ada bersifat tempatan (*local*) mahupun isu global seperti logistik, geopolitik dan sebagainya.

Kementerian sentiasa memantau isu kenaikan harga mendadak yang berlaku supaya rakyat yang memerlukan tidak begitu terkesan dengan isu ini. Dalam masa seratus hari Kerajaan Perpaduan, Kementerian telah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan secara langsung di premis-premis jualan dengan memberi fokus kepada harga serta keberadaan bekalan barang keperluan asas yang menjadi tumpuan rakyat seperti ayam, telur ayam, minyak masak, tepung gandum dan gula. Kementerian telah menjalankan pemeriksaan melibatkan kira-kira 21,830 premis jualan barang keperluan asas di seluruh negara dengan tindakan mobilisasi pasukan penguatkuasa KPDM di seluruh negara.

Selain itu, sebagai tindakan *direct to touch point* dan *quick win*, Program Payung Rahmah telah dilaksanakan oleh KPDM bagi membantu masyarakat yang terkesan untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal bulan ini. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah program ini :

NO SOALAN: 12

- **PERTAMA: Jualan Rahmah** iaitu Inisiatif Kerajaan yang memberikan penekanan terhadap kemudahan untuk mendapatkan barangan keperluan harian asas dan keperluan harian dapur dengan harga yang lebih rendah kira-kira 10 – 30 peratus lebih murah daripada pasaran setempat untuk rakyat di seluruh negara. Dalam masa seratus hari sahaja Kementerian telah melaksanakan Jualan Rahmah di 77 kawasan Parlimen;

- **KEDUA: Bakul Rahmah** iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenalpasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan miskin tegar secara berterusan pada setiap bulan. Program ini bukan hanya akan menyediakan bantuan barangan tetapi juga peluang pekerjaan bagi mereka yang layak. Dalam masa seratus hari Kementerian telah mengagihkan 2500 Bakul Rahmah kepada rakyat yang memerlukan;

- **KETIGA: Pakej Rahmah** iaitu inisiatif yang menyokong Jualan Rahmah yang mana pasaraya besar dan pasaraya menyediakan beberapa barangan keperluan asas berbentuk pakej. Barangan keperluan dalam pakej berkenaan adalah bernilai RM70 namun pakej tersebut akan dijual kepada pengguna pada harga RM50 sahaja;

- **KEEMPAT: Kafe Rahmah** yang bertujuan untuk menyediakan makanan yang dijual pada harga yang berpatutan kepada penuntut IPTA serta memberikan hidangan makanan percuma kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari keluarga berpendapatan rendah; dan
- **KELIMA: Menu Rahmah** yang sedang hangat diperkatakan sekarang iaitu inisiatif pengusaha-pengusaha makanan secara sukarela untuk menawarkan makanan dengan nutrisi yang lengkap pada harga RM5 bagi setiap hidangan. Menu Rahmah bertujuan untuk memastikan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pilihan harga yang mampu bayar. Sehingga hari ini, terdapat 1,085 premis makanan telah menawarkan Menu Rahmah ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah atau perancangan Kerajaan untuk mengutamakan keterjaminan makanan berikutan jangkaan bahawa negara bakal berhadapan dengan cabaran yang lebih getir di masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi memastikan keterjaminan makanan digariskan melalui pelan jangka panjang 2021-2030 melalui Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakannya. Ini bagi memastikan output pengeluaran serta kualiti penghasilan melalui peningkatan produktiviti dapat dicapai. Melalui DAN 2.0, beberapa keutamaan diberikan perhatian khusus melalui lima (5) teras dasar seperti berikut:

1. mendukung pemodenan dan pertanian pintar;
2. memperkukuh pasaran domestik, meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi dan produk berorientasikan eksport;
3. membangun bakat yang memenuhi permintaan industri;
4. meningkatkan amalan pertanian dan sistem makanan yang mampan; dan
5. menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh.

Perancangan ini diperkukuhkan lagi melalui strategi khusus bagi empat (4) subsektor utama iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan serta perikanan.

NO SOALAN: 13

Sebagai contohnya, tumpuan utama bagi subsektor padi dan beras ialah melonjakkan produktiviti pengeluaran melalui pengurusan penggunaan tanah dan air yang lebih sistematik, penggunaan varieti padi yang dapat meningkatkan penghasilan seterusnya mengurangkan kehilangan hasil lepas tuai (*post harvest loss*). Bagi mencapai sasaran Kadar Sara Diri (SSR) 80% menjelang tahun 2030, purata hasil padi bagi setiap unit kawasan sawah padi akan dipertingkatkan kepada 5.3 tan metrik bagi setiap hektar yang diusahakan.

Bagi subsektor buah-buahan dan sayur-sayuran pula, Kementerian menyasarkan Kadar Sara Diri (*Self Sufficiency Ratio – SSR*) sebanyak 83.1% bagi buah-buahan dan sebanyak 78.9% bagi sayur-sayuran menjelang 2030. Sehubungan itu, adalah penting untuk pengeluaran ditingkatkan bagi mencapai tahap keterjaminan makanan meliputi aspek ketersediaan makanan bernutrisi. Sasaran penghasilan bagi buah-buahan ialah sebanyak 15 tan metrik bagi setiap hektar dan 20.6 tan metrik setiap hektar bagi tanaman sayur-sayuran.

Bagi subsektor ternakan pula, penekanan akan diberikan terhadap industri ternakan ayam dan itik serta ruminan. Bagi pengeluaran daging ayam dan itik, SSR sebanyak 140% disasarkan untuk dicapai menjelang tahun 2030 manakala 123% pula bagi telur. Bagi ruminan, SSR sebanyak 50% disasarkan bagi daging lembu dan 100% bagi susu segar menjelang tahun 2030.

NO SOALAN: 13

Bagi subsektor perikanan pula, Kementerian akan memfokuskan untuk memperkasakan industri akuakultur bagi mencapai sasaran nisbah akuakultur kepada perikanan tangkapan sebanyak 60:40 menjelang 2030. Selain daripada dapat meningkatkan penghasilan ikan makanan, tumpuan ini juga dapat mengimbangi nisbah pendaratan ikan dari hasil tangkapan laut seterusnya memastikan kelestarian sumber perikanan negara dapat dipelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 22 MAC 2022

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perkembangan terkini penyertaan belia mengikut bangsa dalam pasukan sukarelawan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta bagaimanakah perancangan ATM dalam memastikan penyertaan ini seimbang dengan komposisi kaum di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Angkatan Sukarela ATM adalah amat penting kepada keselamatan negara bukan sahaja kerana sebagai pertahanan kedua negara tetapi yang lebih penting, adalah dari segi penglibatan orang ramai secara sukarela dalam menjaga keselamatan negara.

2. Angkatan Sukarela ATM semakin pesat berkembang hasil keyakinan dari semua pihak khasnya di peringkat Kerajaan negeri. Disamping itu juga bilangan anggota sukarela semakin meningkat dengan penyertaan belia dan beliawanis dari semua lapisan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Bagi mempromosikan Angkatan Sukarela, Markas Pasukan Simpanan di ketiga-tiga perkhidmatan (Tentera Darat, Laut dan Udara) telah melaksanakan program promosi diseluruh negara yang mana ia dianjurkan oleh pasukan-pasukan atau unit-unit mengikut zon dan kawasan tanggungjawab (KTJ) masing-masing.

3. Statistik keaktifan Angkatan Sukarela ATM terkini, berakhir Februari 2023 bagi Pegawai Sukarela adalah berkekuatan seramai 4,616 orang yang mana ianya terdiri daripada kaum Melayu seramai 4,152 (89.95%), Cina seramai 122 orang (2.64%), India seramai 92 orang (1.99%) dan lain-lain bangsa seramai 250 orang (5.42%). Bagi peringkat anggota sukarela Lain-Lain Pangkat (LLP) berkekuatan seramai 50,874 orang yang mana ianya terdiri daripada kaum Melayu seramai 46,633 orang (91.66%), Cina seramai 1,048 orang (2.06%),

India seramai 779 orang (1.53%) dan lain-lain kaum seramai 2,414 orang (4.75%).

4. Bagi memastikan penyertaan belia dan masyarakat yang menyertai Angkatan Sukarela ATM seimbang dengan komposisi kaum di Malaysia, MINDEF melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP), Pelan Strategik MINDEF 2021-2025 dan Sistem Pengurusan Strategik ATM (SPS ATM) telah menggariskan komitmen dan keutamaan Kerajaan dalam membentuk strategi jangka panjang untuk melibatkan dan meningkatkan penyertaan rakyat dalam pertahanan negara. Ia membawa penekanan kepada semua pihak berkepentingan agar turut mengambil tanggungjawab bersama dalam pertahanan negara sesuai dengan pendekatan Kerajaan *whole-of-government* dan *whole-of-society*. Penglibatan dan pandangan semua kementerian, agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pemain industri pertahanan, veteran ATM, ahli akademik serta semua lapisan masyarakat adalah perlu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian dalam meringankan beban guru sehingga kini dalam isu kerja perkeranian dan bidang tugas yang tidak sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan terus komited untuk melaksanakan usaha penyelesaian terbaik dalam menjamin kesejahteraan guru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan tujuh teras utama yang menjadi tumpuan KPM bagi melahirkan murid ceria, guru bahagia, sekolah bitara dan negara sejahtera, KPM akan memastikan guru sentiasa diberi sokongan profesional secara berterusan. Melalui salah satu daripada 7 Teras Nadi Keunggulan KPM, isu kebajikan guru turut diberi fokus. Bermula sesi persekolahan 2023/2024, KPM telah melaksanakan langkah seperti berikut:

- i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;
- ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, pelaksanaan semakan elemen pengurusan sekolah dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia versi baharu akan dilaksanakan setahun sekali sahaja.

NO SOALAN: 15

- iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023 berkaitan penetapan waktu mengunci masuk rekod kehadiran murid ke dalam sistem eKehadiran yang lebih fleksibel kepada guru iaitu 12 tengah hari untuk sesi pagi dan 5 petang untuk sesi petang;
- iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, pelantikan pegawai peperiksaan awam yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Majlis Peperiksaan Malaysia terbuka kepada individu selain guru yang sedang berkhidmat seperti pesara kerajaan, pelajar institut pendidikan guru (IPG) dan institut pendidikan tinggi (IPT) berdasarkan kriteria yang ditetapkan;
- v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, sambutan Hari Guru tahunan dihadkan kepada peringkat kebangsaan dan sekolah sahaja;
- vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023. Berdasarkan surat pemakluman tersebut, guru perlu menyediakan ringkasan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang merangkumi elemen objektif, pengajaran dan refleksi; dan

vii. memperkukuh autonomi guru dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pentaksiran bilik darjah (PBD) dengan menjadikan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) sebagai rujukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

Selain itu, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru akan terus meneliti inisiatif yang boleh membantu meringankan beban tugas guru melalui perbincangan berterusan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB).

KPM sentiasa memastikan kesejahteraan guru dengan pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' DR.AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mengawal kenaikan kadar faedah bagi tujuan membendung inflasi yang boleh mencetuskan krisis kemiskinan, jika OPR di Malaysia dinaikkan, dan dijangka akan terus dinaikkan, akan menjadikan rakyat terbeban dan UNDP (Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) telah memberi amaran tentang perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) menyedari bahawa inflasi yang tinggi boleh menyebabkan kesukaran yang ketara kepada rakyat. Sepanjang tahun 2022, BNM telah mengambil tindakan untuk menaikkan OPR sebanyak 100 mata asas secara terkawal dan beransur-ansur. Tindakan dasar monetari BNM dipandu oleh mandat diberikan bagi mengekalkan kestabilan harga serta memastikan pertumbuhan ekonomi kekal mampan pada masa hadapan.

Kerajaan berpandangan keputusan yang diambil oleh BNM untuk menghentikan sementara kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada mesyuarat yang pertama iaitu 18 hingga 19 Januari 2023 pada tahap 2.75 peratus dan terus mengekalkan sehingga mesyuarat kedua pada 8 hingga 9 Mac 2023 telah dibuat dengan berhati-hati bagi menilai kesan pelarasan kumulatif OPR terhadap prospek inflasi dan ekonomi Malaysia.

Walaupun MPC telah melaraskan OPR sehingga ke tahap 2.75 peratus, kesan sepenuhnya terhadap pengurangan tekanan permintaan kerana perubahan tingkah laku isi rumah dan perniagaan biasanya memerlukan masa berikutan kesan sela masa (lag effect) dasar monetari.

NO SOALAN: 16

Langkah MPC seterusnya adalah untuk mengembalikan tahap akomodasi dasar monetari ke tahap yang wajar dan akan ditentukan berdasarkan penilaian MPC tentang kesan keadaan yang berubah-ubah terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Ekonomi yang kukuh dan keadaan harga yang stabil akan memberi kesan limpahan yang positif kepada rakyat.

Sebagai Kerajaan yang prihatin, Kerajaan akan terus melaksanakan pemberian subsidi kepenggunaan serta kawalan harga bagi barangan keperluan terpilih. Bantuan sosial masih diberikan oleh Kerajaan termasuk bantuan tunai kepada kumpulan sasar bagi mengurangkan kos sara hidup yang lebih tinggi. Tanpa langkah yang dinyatakan ini, inflasi negara mungkin mencatat kadar yang lebih tinggi. Perkara ini telah dibuktikan menerusi kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022 yang mendapati kadar inflasi di Malaysia boleh melebihi 10 peratus sekiranya Kerajaan menghapuskan semua subsidi yang dinikmati rakyat ketika ini, iaitu jauh lebih tinggi daripada kadar inflasi negara pada tahun 2022 yang merekodkan 3.3 peratus.

Bagi kebanyakan negara, tahap inflasi yang semakin serius didorong oleh tarikan permintaan boleh dikawal melalui tindakan dasar monetari yang bersesuaian. Setakat ini, keadaan inflasi negara telah menunjukkan tanda mereda namun kekal tinggi iaitu sebanyak 3.7 peratus pada bulan Januari 2023. Namun demikian, secara keseluruhannya, kadar inflasi bagi tahun 2023 diunjurkan berpurata pada 2.8 peratus hingga 3.8 peratus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD
RADZI
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah komiten Kementerian dalam mengatasi isu kemiskinan malnutrisi dalam kalangan murid keperluan khas (MBK) serta apakah jumlah yang telah dibelanjakan bagi Rancangan Makanan Tambahan bagi MBK sejak 2012-2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin kepada hal-hal kebajikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) terutamanya dalam memastikan murid-murid ini menerima makanan yang bernutrisi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berdasarkan ketetapan dalam Surat Pekeliling Kewangan BT19 Rancangan Makanan Tambahan di Sekolah Rendah, semua murid MBPK di sekolah rendah yang memegang Kad Orang Kurang Upaya (OKU) tanpa mengira status pendapatan keluarga adalah layak menerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di samping sekotak susu bagi setiap hari persekolahan kecuali mereka yang tinggal di asrama KPM.

Mulai 6 November 2022, KPM telah menaikkan kadar RMT bagi seorang murid daripada RM2.50 kepada RM3.50 untuk Semenanjung Malaysia, manakala RM3.00 kepada RM4.00 bagi sekolah di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Langkah menaikkan kadar RMT ini membolehkan kontraktor pembekal makanan RMT menyediakan makanan yang berkualiti dan bernutrisi selaras dengan kos harga bekalan mentah semasa. Bermula pada tahun 2014 hingga kini, peruntukan RMT bagi semua murid sekolah rendah termasuk MBPK adalah berjumlah RM2.58 billion.

NO SOALAN: 17

KPM juga meneruskan Program Susu Sekolah (PSS) yang dilaksanakan serentak dengan RMT. PSS bertujuan meningkatkan taraf kesihatan dan pemakanan murid sekolah rendah dengan memastikan pengambilan nutrisi yang seimbang bagi membantu pertumbuhan fizikal, kesihatan mental dan kesihatan umum murid bertambah baik.

Selain daripada itu, KPM juga menyediakan kemudahan asrama di 25 buah sekolah pendidikan khas. Semua MBPK di asrama menerima makanan secara percuma mengikut jadual yang telah ditetapkan melalui kontrak Bekalan Makanan Bermasak antara pembekal dan pihak sekolah. Menu yang dihidangkan mengambil kira keperluan nutrisi murid tersebut mengikut umur dan tumbesaran mereka.

KPM yakin semua usaha yang dilaksanakan akan memberi kesan baik kepada MBPK bagi memperbaiki keadaan kesihatan, fizikal dan amalan pemakanan yang sihat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH : 22 MAC 2023

Tuan Ak Nan A/L Ehtook minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini kes-kes diskriminasi dalam bidang sukan yang telah dilaporkan dalam media dan apakah tindakan yang bakal diambil untuk mencegah perbuatan diskriminasi berasaskan kaum dan agama dalam semua jenis sukan bagi membolehkan negara memanfaatkan bakat-bakat sukan dari semua kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian ingin menegaskan bahawa tiada diskriminasi kaum dan agama dalam bidang sukan sama ada di peringkat pengurusan pembangunan atlet atau pemilihan atlet untuk menyertai mana-mana pertandingan.

Pemilihan atlet di dalam penyertaan pertandingan bukanlah ditentukan oleh seseorang individu. Ia merupakan keputusan secara bersama oleh pemegang-pemegang taruh utama iaitu Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN), Persatuan Sukan Kebangsaan, Institut Sukan Negara (ISN), Kementerian Pendidikan dan jurulatih. Penilaian dibuat berdasarkan kepada prestasi semasa atlet, laporan saintifik daripada ISN, disiplin dan lain-lain.

Manakala di peringkat pengurusan pembangunan atlet pula, pemilihan atlet dilakukan oleh jurulatih-jurulatih berkelayakan yang dilantik oleh MSN. Setiap atlet mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam ekosistem sukan prestasi tinggi negara. Dalam konteks pembangunan atlet, pihak Kementerian sentiasa menekankan aspek perpaduan yang menjadi tonggak kepada masyarakat majmuk selaras dengan konsep Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON RENGANATHAN
TARIKH : 22 MAC 2022**

DATO' DR. NELSON RENGANATHAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah warga emas yang kini berada di pusat-pusat penjagaan warga emas mengikut kaum di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat komited memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Sehingga Februari 2023, terdapat **394 buah pusat jagaan warga emas** yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan **12 institusi warga emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**. Jumlah penghuni warga emas adalah seramai **9,785 orang** di mana **8,544 orang penghuni** berada di pusat jagaan warga emas dan **1,241 orang penghuni** berada di institusi warga emas JKM.

Daripada jumlah tersebut, **1,612 orang** merupakan kaum Melayu, **7,090 orang** kaum Cina, **938 orang** kaum India dan **145 orang** daripada kaum lain-lain.

Kementerian akan terus memberikan komitmen dalam memastikan kesejahteraan penghuni di pusat jagaan warga emas terjamin dan menggesa agar semua pengendali pusat jagaan yang masih belum berdaftar, untuk tampil berdaftar dengan JKM bagi memastikan standard minimum, kebajikan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penghuni terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU
HANIFAH
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan capaian jalur lebar 5G ke seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan rangkaian 5G oleh Digital Nasional Berhad (DNB) telah mula dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2021 dan ketersediaan perkhidmatan 5G telah dapat diakses oleh pengguna bermula penghujung tahun 2021. Pada awalnya, pelaksanaan 5G hanya ditumpukan di kawasan-kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi yang berimpak tinggi. Peluasan liputan 5G ke kawasan lain akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun-tahun yang berikutnya.

Setakat 28 Februari 2023, sebanyak 4,363 tapak daripada 7,509 tapak 5G telah siap dibangunkan oleh DNB di seluruh negara. Dengan jumlah tersebut, ketersediaan rangkaian 5G telah mencapai 54.7% liputan di kawasan berpenduduk [*Coverage of Populated Area (COPA)*]. Jumlah peratusan ini adalah termasuk tapak-tapak pemancar 5G yang telah diaktifkan oleh DNB tetapi belum boleh diakses oleh pengguna kerana syarikat penyedia perkhidmatan masih dalam proses *on-boarding*. Jika dilihat pada tapak 5G yang boleh diakses pengguna sahaja, ketersediaan perkhidmatan 5G berada pada 46.9% liputan di kawasan berpenduduk.

Usaha akan dilipatgandakan untuk mencapai sasaran seperti mana pengumuman YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2023, supaya perkhidmatan 5G mencapai 80% liputan di kawasan berpenduduk menjelang penghujung tahun 2023.

NO SOALAN: 20

Selain itu, Kerajaan juga sedang mempertimbang teknologi seperti *Broadband Wireless Access*, *Fixed Wireless Access* dan teknologi satelit sebagai sebagai kaedah untuk memastikan capaian internet ke seluruh negara, terutamanya ke kawasan-kawasan berpenduduk di pedalaman dan sangat terpencil yang sukar dicapai melalui infrastruktur 4G atau 5G.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AZHAR BIN
AHMAD
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK DR HAJI AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah inisiatif dan mekanisme yang diambil bagi membantu pekebun kecil getah dalam menghadapi situasi kejatuhan harga getah bagi mengurangkan beban ekonomi pekebun kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian sentiasa prihatin dan berusaha untuk membantu pekebun kecil getah menghadapi situasi kejatuhan harga getah. Pelbagai inisiatif dan mekanisme telah diambil bagi membantu pekebun kecil getah. Berikut ialah inisiatif kerajaan serta mekanisme yang diperkenalkan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM):

I. INSENTIF PENGELUARAN GETAH (IPG)

Kerajaan telah melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) sejak tahun 2015 bertujuan untuk mengurangkan beban pekebun kecil ketika harga getah di pasaran rendah di samping menggalakkan mereka untuk terus menoreh. Melalui pelaksanaan IPG, pekebun kecil akan menerima harga getah peringkat ladang (50% kandungan getah kering) pada paras RM2.50/kg bagi sekilogram getah sekerap yang dijual. Sejak pelaksanaan IPG pada September 2015 sehingga 31 Disember 2022, IPG telah diagihkan kepada 207,128 pekebun kecil di seluruh negara dengan nilai pembayaran berjumlah RM 446 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Belanjawan 2023 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 24 Februari 2023, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM2.50 kepada RM2.70 sekilogram.

Kenaikan paras harga pengaktifan IPG sebanyak 20 sen sekilogram adalah sokongan berterusan Kerajaan dan melibatkan peruntukan yang besar berjumlah RM350 juta serta mengambil kira beban kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dalam situasi ekonomi dunia yang tidak menentu ketika ini.

II. INSENTIF PENGELUARAN LATEKS (IPL)

Objektif Program IPL adalah untuk memberi peluang kepada pekebun kecil getah untuk menambah pendapatan dengan memberi galakan kepada mereka untuk beralih kepada menghasilkan susu getah (lateks) berbanding getah sekerap (cuplump). Bagi setiap peserta pekebun kecil getah yang menyertai program ini, mereka akan menerima insentif tunai sebanyak RM 1.00 sekilogram bagi 100% kandungan getah kering (KGK). Para peserta juga menerima bantuan di dalam bentuk input pertanian seperti baja dan racun yang bernilai RM 850 bagi setiap hektar secara sekali beri (*one-off*).

III. PROJEK TRANSFORMASI PERUSAHAAN GETAH NEGARA (TARGET)

Pelaksanaan Projek TARGET melalui konsep koperasi pekebun dan pengusaha ladang getah tempatan bertujuan untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil getah dengan cara memendekkan rantaian bekalan melalui penglibatan kluster pekebun dalam rantaian industri getah (integrasi menegak). Projek ini dijangka dapat menambah nilai getah dan memberi pulangan dan pendapatan yang lebih baik kepada pekebun kecil.

NO SOALAN: 21

2. Selain itu, LGM telah memperkenalkan beberapa mekanisme / inovasi bagi memastikan agihan bantuan kepada pekebun kecil dapat dilakukan dengan cekap. Mulai 1 Januari 2021, pembayaran IPG oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah dibuat secara terus ke akaun bank Pekebun Kecil dan mereka tidak perlu lagi membuat permohonan secara manual di pejabat-pejabat LGM.
3. Bagi memastikan pekebun kecil dapat menerima bantuan Kerajaan, mereka wajib memiliki Permit Autoriti Transaksi Getah (PAT-G). PAT-G merupakan permit jualan getah yang dikeluarkan secara percuma oleh LGM dan berfungsi sebagai pengenalan kepada pekebun kecil getah Warganegara Malaysia yang memiliki atau mengusahakan kebun getah. Dengan adanya PAT-G, ianya bukan sahaja dapat mengekang kes kecurian getah, malah dapat membantu mempermudah penyaluran bantuan Kerajaan kepada pekebun kecil. Pekebun kecil yang memiliki PAT-G diwajibkan untuk menjual getah kepada peniaga getah berlesen LGM yang menggunakan aplikasi RRIMniaga.
4. RRIMniaga merupakan satu aplikasi telefon pintar yang dibangunkan oleh LGM untuk digunakan oleh peniaga getah berlesen LGM untuk merekodkan urusan jual beli getah. Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021, semua pemegang lesen kategori peniaga getah dan kelompok telah diwajibkan menggunakan aplikasi RRIMniaga di mana ia merupakan syarat lesen yang perlu dipatuhi di bawah Peraturan-peraturan LGM (Pelesenan dan Permit) 2014.

5. Selain itu, MyROL diperkenalkan oleh LGM yang merupakan kaedah tender dan pemasaran getah secara dalam talian. Kombinasi ciri-ciri di dalam MyROL seperti urusan yang telus, tanpa sempadan dan kewujudan persaingan melalui penglibatan lebih ramai pembeli, secara tidak langsung mendorong pencapaian harga tawaran yang lebih kompetitif kepada kelompok pekebun kecil terlibat. Terkini, terdapat 11 pusat jualan getah di sekitar Kelantan, Perak dan Pahang telah menggunakan MyROL dalam urusan mereka dan ini telah memanfaatkan lebih 700 pekebun kecil.

6. Menyedari cabaran-cabaran semasa ekonomi global, Kerajaan sentiasa komited dalam merangka dasar dan strategi untuk meningkatkan daya saing dan daya maju industri getah Negara. Kerajaan juga sedang meneliti beberapa inisiatif atau projek-projek berimpak tinggi yang sedia atau berpotensi dilaksanakan khususnya dalam menjaga kebajikan pekebun kecil getah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha proaktif yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu sindiket nikah kahwin palsu yang bukan sahaja melibatkan rakyat tempatan tetapi warga asing.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil perhatian terhadap isu nikah sindiket yang telah dan sedang berlaku dan sentiasa berusaha menangani perkara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui JAKIM telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani isu sindiket nikah palsu melalui beberapa tindakan seperti berikut:

(a) Program Advokasi

JAKIM dengan kerjasama JAIN melaksanakan program advokasi melalui penganjuran seminar/kempen dan lain-lain kepada pelbagai pihak dalam usaha mengekang isu nikah yang menyalahi peraturan antaranya:

- i. Seminar Undang-Undang Keluarga Islam
- ii. Seminar/ Kempen Sah Nikah Sah Nasab
- iii. Khutbah Jumaat

(b) Bahan Hebahan

Bahan hebahan juga turut disediakan bagi memberikan penerangan dan penjelasan kepada segenap lapisan masyarakat mengenai isu ini. Antaranya:

- i. Risalah Panduan Poligami
- ii. Sebaran Melalui Media Massa

(c) Kerjasama dengan Kementerian/Jabatan/Agensi

JAKIM dan JAIN mengadakan kerjasama dengan kementerian/Jabatan dan Agensi seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam isu-isu berkaitan perlindungan hak wanita.

Di samping itu, JAKIM bersama JAIN juga bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand dalam menyelaraskan pengurusan perkahwinan dalam usaha mengekang isu perkahwinan yang menyalahi peraturan. Antara usaha yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan Panduan Permohonan Perintah Pengesahan dan Pendaftaran Perkahwinan (Permohonan 4P) sebagai rujukan bagi proses yang seragam dan teratur untuk mendapatkan perintah pengesahan dan pendaftaran perkahwinan secara mudah dan tepat.

- ii. Menyelaras prosedur bersama Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand berkaitan prosedur bahawa salah seorang dari pasangan perlu hadir sendiri ke pejabat KJM Songkhla untuk mendapatkan pengesahan terhadap dokumentasi perkahwinan telah berlaku.

(d) Penguatkuasaan

Pihak penguat kuasa agama negeri sentiasa komited untuk mengekang sindiket nikah palsu dengan mempergiatkan pemantauan dan siasatan terhadap pakej nikah sindiket yang kebanyakannya diiklankan melalui media sosial.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK NORAINI IDRIS**
TARIKH : **22 MAC 2023**

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pelan tindakan terbaharu bagi meningkatkan kawalan sempadan negeri Sabah terutamanya bagi mengekang sebarang aktiviti penyeludupan barangan terlarang serta pemerdagangan manusia yang selama ini dijalankan menerusi sempadan negara jiran yang menghubungkan 'laluhan tikus' ke negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) sentiasa bersedia dalam memastikan aspek kawalan keselamatan sempadan darat serta di Zon Selamat Sabah Timur (ESS Zone) Sabah terus dilaksanakan secara berterusan dengan memastikan laluan keluar dan masuk bagi mana-mana kawasan yang diwartakan atau tidak diwartakan dikawal dengan sebaik mungkin menerusi beberapa operasi seperti Op TARING di bawah Pasukan Gerakan Am (PGA), PDRM dan Operasi SANGGAH di bawah ESSCOM.

Op TARING dilaksanakan bermula pada 1 Ogos 2014 dan kawasan tanggungjawab meliputi seluruh negeri Sabah. Tujuan operasi ini adalah untuk mendominasi kawasan tanggungjawab, menunjukkan kehadiran polis, mencegah dan membanteras kegiatan jenayah rentas sempadan melalui persisiran pantai negeri Sabah di sempadan Malaysia-Filipina dan jalan-jalan darat di sempadan Malaysia-Indonesia. Operasi ini juga bertindak sebagai *intercept* jika berlaku sebarang ancaman keselamatan dan bertindak sebagai pasukan khas.

Manakala, Operasi SANGGAH ESSCOM merupakan koordinasi operasi pasukan keselamatan dan jabatan/ agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri di ESS Zone secara bersepadu bagi mengesan, mengekang dan membasmi anasir luar, tali barut, elemen jenayah rentas sempadan serta kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke ESS Zone.

Selain itu, bagi meningkatkan kawalan sempadan negara di Sabah termasuk di kawasan ESS Zone, terdapat beberapa usaha baharu dan yang sedia ada terus dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kesiapsiagaan pasukan keselamatan yang mengawal sempadan negara melalui kelulusan peruntukan di bawah Rolling Plan Kedua , Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMKe-12), tahun 2022 bagi pembinaan pos-pos kawalan keselamatan yang baharu sepanjang perairan ESS Zone di kawasan Manalunan, Kinabatangan dan Kuala Maruap, Lahad Datu serta di kawasan darat Poirgon, Kalabakan termasuk pembinaan pos PGA baharu di Pagalungan, Nabawan, Sabah yang telah diluluskan peruntukannya di bawah *Rolling Plan* Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12), tahun 2023;
- (ii) Melaksanakan penstrukturan semula PGA dengan mewujudkan dua (2) Batalion baharu PGA iaitu Batalion Baharu PGA Batalion 21 (Kunak, Sabah) dan Batalion 22 (Keningau, Sabah). Penstrukturan semula PGA ini sedang dalam semakan di peringkat KDN dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pelaksanaannya nanti akan memberikan impak dalam keberkesanan kawalan sempadan dan kedaulatan negara bagi keseluruhan Sabah dari segi kekuatan, kawasan tanggungjawab serta keberhasilan operasi;

- (iii) Penggantian botronda Pasukan Polis Marin (PPM) yang telah tamat jangka hayat ekonominya (*economic life span*) dengan botronda yang lebih laju dan moden. Di samping itu, mempercepatkan pembangunan pangkalan-pangkalan di kedudukan strategik untuk memberi sokongan logistik kepada botronda yang beroperasi di laut seperti projek pembinaan *Island Forward Operation Base* (IFOB) PPM Wilayah 4 Pulau Mabul yang dijangka siap pada penghujung tahun 2024 dan pembinaan Pangkalan Bot Ronda PDRM di Sungai Seguntur, Sandakan yang baharu diluluskan di bawah RP3, RMKe-12, tahun 2023;
- (iv) Memperkasakan kawalan sempadan dengan penambahan pos baharu dan aset-aset keselamatan yang terkini melalui permohonan projek baharu fizikal dan bukan fizikal bagi Rolling Plan Keempat (RP4), RMKe-12, Tahun 2024 merangkumi penambahan pos kawalan, Forward Operation Base dan perolehan aset taktikal yang baharu;
- (v) Mengeratkan hubungan dua hala dengan negara-negara jiran dalam kerjasama menangani permasalahan di perairan sempadan seperti mengadakan mesyuarat bilateral untuk membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di sempadan seperti Philippine National Polis-Maritime Group (PNP-MG) dan Polisi Air dan Udara Indonesia (POLAIRUD) serta The Royal Thai Police (RTP); dan

- (vi) Mengukuhkan jaringan hubungan dan kerjasama yang sedia terjalin antara agensi penguatkuasaan dengan golongan sasar iaitu penduduk serta pemimpin tempatan, pengusaha perniagaan dan pelancongan melalui pendekatan sesi libat urus, program-program komuniti dan sosio-ekonomi di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perjawatan awam yang telah ditawarkan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di seluruh negara serta adakah terdapat keperluan untuk Kerajaan menstruktur semula perjawatan awam ini.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengambilan Perkhidmatan Awam

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu pihak berkuasa melantik bagi Perkhidmatan Awam. Selain SPA, pihak berkuasa melantik lain adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan.

Bagi tempoh tiga (3) tahun mulai tahun **2020 hingga 2022**, SPA telah melantik tetap seramai **52,035 orang calon** ke dalam perkhidmatan awam am Persekutuan dan perkhidmatan awam negeri Pulau Pinang, Melaka, Perlis serta Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut, seramai **15,518 orang calon** dilantik pada tahun **2020**, manakala **15,755 orang calon** dilantik pada tahun **2021** dan **20,762 orang** calon dilantik pada tahun **2022**.

Jumlah penawaran jawatan untuk dilantik secara tetap adalah tertakluk kepada kelulusan pengisian perjawatan oleh agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan.

Dasar Pengoptimuman Perkhidmatan Awam

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung keperluan untuk menstruktur semula perkhidmatan awam, JPA sedang melaksanakan Dasar Pengoptimuman Perkhidmatan Awam (DPPA) untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

Pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber melalui pelbagai langkah seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dasar ini akan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah, antaranya melalui penswastaan, penyumberluaran (*outsourcing*), pendigitalan dan penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*).

Bagi merealisasikan usaha pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam, sebarang pewujudan perjawatan baharu adalah tidak dibenarkan kecuali dengan menggunakan kaedah tukar ganti (*trade-off*) atau pindah butiran (*redeployment*) dan tidak melibatkan pertambahan implikasi kewangan.

NO SOALAN: 24

Selain itu, Kerajaan sedang meneruskan kajian pertindihan fungsi antara Kementerian/Jabatan/Agensi, rasionalisasi perjawatan dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan bagi mencapai saiz perkhidmatan yang bersesuaian (*rightsizing*). Dalam usaha untuk mengoptimumkan sumber (kewangan dan sumber manusia), penggunaan ICT dan teknologi terkini akan dipertingkatkan bagi menyokong fungsi serta operasi perkhidmatan awam agar lebih produktif dan efektif. Kajian ini dijangka dapat mengurangkan isu pertindihan fungsi di samping mengoptimumkan penggunaan sumber (kewangan dan sumber manusia), memperkukuhkan pengurusan kewangan, mengurangkan ketirisan serta memantapkan fungsi dan peranan Kementerian/Jabatan/Agensi agar lebih jelas, berkesan dan selari dengan *outcome* nasional.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 22 MAC 2023**

DATUK PAUL IGAI minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap inisiatif 'Belt and Road' (BRI) yang ditaja negara China dan manfaatnya kepada negara khususnya dalam aspek perkembangan industri perkapalan, pelabuhan, keselamatan sosial dan ekonomi tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Belt and Road Initiative ataupun BRI merupakan satu aspirasi jangka panjang yang telah diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) pada September 2013, yang bertujuan untuk meningkatkan kesalinghubungan dan kerjasama antara negara-negara di tiga benua iaitu Asia, Eropah dan Afrika, melalui pelaksanaan projek serta program yang tertumpu kepada dua laluan perdagangan antarabangsa iaitu Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera (*Silk Road Economic Belt*) dan Laluan Maritim Abad Ke-21 (*21st Century Maritime Silk Road*).

Lima matlamat utama kerjasama BRI adalah:

- i. Mengkoordinasi polisi (*Policy Coordination*);
- ii. Meningkatkan kesalinghubungan infrastruktur (*Facilities Connectivity*);
- iii. Meningkatkan perdagangan tanpa halangan (*Unimpeded Trade*);
- iv. Mengukuhkan Integrasi kewangan (*Financial Integration*); dan
- v. Memperkasa hubungan sesama rakyat (*People-to-People Bonds*).

Malaysia merupakan antara negara terawal yang memberi sokongan secara terbuka kepada RRC berhubung BRI. Seterusnya, pada 13 Mei 2017, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah menandatangani Memorandum Persefahaman untuk Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Secara Bersama dalam Laluan Sutera dan Laluan Maritim Abad Ke-21. Antara lain, bidang-bidang kerjasama yang digariskan dalam MoU tersebut adalah:

- i. kesalinghubungan dalam projek-projek infrastruktur;
- ii. mengukuhkan pengiktirafan bersama bagi standard dan perkongsian maklumat, menambah baik kebolehcapaian lalu lintas dan rangkaian pengangkutan;
- iii. kemudahan urus niaga e-dagang rentas sempadan di kalangan negara-negara BRI;
- iv. transformasi, menaiktaraf dan inovasi teknologi dalam bidang perkilangan, terutamanya dalam keupayaan pengeluaran dan pembuatan peralatan; dan
- v. kerjasama kewangan melalui peluasan penggunaan mata wang tempatan dalam perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan RRC telah menandatangani lebih 200 dokumen yang melibatkan 145 buah negara dan 32 organisasi antarabangsa dalam usaha untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah BRI. Dalam hal ini, penglibatan Malaysia dan negara-negara lain di bawah BRI telah mewujudkan jaringan kerjasama rentas-negara yang memberikan manfaat limpahan ekonomi kepada semua negara-negara di bawah kerjasama BRI, sekaligus memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi negara.

Dari aspek perdagangan pula, komitmen Kerajaan RRC bagi menjayakan BRI telah memberi peluang kepada negara-negara di sepanjang laluan BRI untuk memperkenalkan jenama mereka ke pasaran antarabangsa. Bermula pada tahun 2018, Kerajaan RRC telah menganjurkan Ekspo Import Antarabangsa China (*China International Import Expo*) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada negara-

negara BRI memperluaskan eksport produk dan perkhidmatan tempatan ke RRC serta negara-negara anggota BRI yang lain. Mengambil peluang ini, Malaysia telah menyertai ekspo tersebut sejak ia dilancarkan pada tahun 2018 dengan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pelbagai kluster termasuk mesin automasi, semikonduktor, makanan & minuman, produk agro, barang kemas dan busana pengantin.

Dari segi perkapalan dan pelabuhan pula, di bawah inisiatif *21st Century Maritime Silk Road*, Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Kementerian Pengangkutan RRC telah menandatangani *Memorandum of Understanding on China-Malaysia Port Alliance* (MoU) pada 23 November 2015 untuk mewujudkan *China-Malaysia Port Alliance* (CMPA) yang merangkumi kerjasama antara 9 pelabuhan di Malaysia dan 12 pelabuhan di RRC. Objektif CMPA adalah untuk mewujudkan perikatan pelabuhan melalui *mutual assistance* dan *joint cooperation* khususnya dalam bidang pengajian pelabuhan (*port studies*) dan komunikasi. MoU tersebut turut mengenalpasti kerjasama di bawah skop pengajian pelabuhan, latihan dan perantisan, bantuan teknikal dan pembangunan trafik serta promosi perkhidmatan. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) telah dilantik sebagai urus setia bagi 9 pelabuhan Malaysia dan pada masa yang sama Kerajaan RRC telah melantik *China Ports and Harbours Association* (CPHA) sebagai urus setia bagi 12 pelabuhan di RRC.

LPK juga telah mewujudkan hubungan *sister-port* dengan 10 pelabuhan di RRC bertujuan untuk memula dan meningkatkan pembangunan di kedua-dua negara dari segi perdagangan, logistik dan pelancongan. Selain itu, Lembaga Pelabuhan Kuantan turut memeterai MoU dengan Pelabuhan Huizhou pada 25 Jun 2016 untuk mengukuhkan lagi aktiviti perdagangan antara kedua-dua negara di bawah strategi BRI.

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif BRI tidak hanya tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dan industri. Melalui inisiatif BRI juga, hubungan rakyat antara dua buah negara dapat dipertingkatkan. Misalnya, hubungan antara rakyat juga telah dapat dimanfaatkan melalui penubuhan Universiti Xiamen Malaysia di Salak Tinggi, Selangor Darul Ehsan, iaitu kampus pertama yang diluluskan oleh Kerajaan RRC untuk didirikan di luar dari negara tersebut. Sehingga Mac 2023, terdapat seramai 11,384 orang pelajar tempatan dan asing telah mengikuti pelbagai program sarjana muda dan sarjana di Universiti Xiamen Malaysia.

Sebagai kementerian yang dipertanggungjawabkan ke atas pelaksanaan dan pemantauan BRI di Malaysia, MITI akan terus mengambil langkah-langkah proaktif dan sedia berkerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan sektor swasta untuk menjayakan usaha pelaksanaan BRI. Kementerian ini juga percaya bahawa platform BRI dapat memberikan faedah kepada pembangunan ekonomi dan industri negara di pelbagai sektor dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HJ MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 22 MAC 2023

TAN SRI HJ MOHAMAD FATMI BIN HJ CHE SALLEH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik bilangan individu yang telah jatuh muflis bermula tahun 2018 sehingga kini mengikut pecahan tahun, negeri dan pelbagai peringkat umur serta strategi untuk mengekang masalah tersebut.

JAWAPAN**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik jumlah individu yang bankrap bagi tahun 2018 sehingga kini mengikut pecahan tahun, negeri dan peringkat umur adalah seperti berikut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes kebangkrapan bagi tahun 2018 hingga kini adalah sebanyak **49,870** kes. Jumlah kes kebangkrapan mengikut pecahan tahun ialah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH
2018	16,482
2019	12,051
2020	8,351
2021	6,554
2022	5,695
2023	737
JUMLAH	49,870

Catatan : statistik bagi tahun 2023 adalah setakat 28.2.2023

2. Selanjutnya, jumlah kes kebangkrapan mengikut pecahan negeri bagi tahun 2018 hingga 2023 ialah seperti berikut:

CAWANGAN	TAHUN						JUMLAH
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	
WIL. PERSEKUTUAN	1,707	1,122	872	918	823	83	5,525
SELANGOR	4,191	3,088	1,900	1,789	1,044	194	12,206
JOHOR BAHRU	1,731	1,034	628	544	559	67	4,563
PERAK	1,123	709	499	354	272	47	3,004
PULAU PINANG	1,109	600	386	373	357	38	2,863
KEDAH	1,136	764	381	359	591	46	3,277
MUAR	417	279	261	158	133	17	1,265
SABAH	664	732	569	357	334	33	2,689
KELANTAN	583	610	324	253	303	35	2,108
MELAKA	375	361	254	146	125	17	1,278
NEGERI SEMBILAN	789	713	444	311	206	31	2,494
TEMERLOH	293	172	212	78	105	6	866
PAHANG	477	241	187	178	172	8	1,263
SARAWAK	363	356	236	147	129	22	1,253
TERENGGANU	483	350	367	139	145	24	1,508
MIRI	235	208	194	92	73	11	813
SIBU	160	144	121	54	68	11	558
TAIPING	223	161	180	69	77	26	736
TAWAU	227	216	180	130	75	8	836
SANDAKAN	100	106	107	79	59	9	460
PERLIS	96	85	49	26	45	4	305
JUMLAH	16,482	12,051	8,351	6,554	5,695	737	49,870

Catatan : Statistik bagi tahun 2023 adalah setakat 28.2.2023

3. Jumlah kes kebangkrutan mengikut pecahan peringkat umur bagi tahun 2018 hingga kini ialah seperti berikut:

GOLONGAN UMUR	TAHUN						JUMLAH	PERATUS
	2018	2019	2020	2021	2022	2023		
DI BAWAH UMUR 25 TAHUN	139	54	21	20	11	0	245	0.49
25-34 TAHUN	4,139	2,603	1,741	1,060	759	92	10,394	20.84
35-44 TAHUN	5,958	4,574	3,150	2,535	2,237	315	18,769	37.64
45-54 TAHUN	4,022	3,087	2,211	1,802	1,630	192	12,944	25.96
55 TAHUN DAN KE ATAS	2,106	1,707	1,204	1,116	1,024	135	7,292	14.62
TIADA MAKLUMAT	118	26	24	21	34	3	226	0.45
JUMLAH	16,482	12,051	8,351	6,554	5,695	737	49,870	100.00

4. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengekang masalah muflis di Malaysia. Kerajaan, melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) berperanan membantu individu yang mengalami krisis kewangan runcing untuk membuat penstrukturan semula bayaran hutang dan merancang kewangan mereka dengan lebih bijak. Selain penstrukturan semula hutang, antara perkhidmatan yang diberikan oleh AKPK adalah khidmat nasihat, kaunseling dan bantuan dalam bidang berkaitan dengan kredit, pengurusan kewangan dan pendidikan. Semua perkhidmatan AKPK ini turut diberikan secara percuma.

5. Perkiraan Sukarela (*Voluntary Arrangement*) telah diperkenalkan di bawah Akta Insolvensi 1967 (Akta 360) pada tahun 2017. Individu bankrap yang sedang berhadapan dengan prosiding mahkamah boleh memohon satu perintah penggantungan di mahkamah untuk membuat rundingan dan memasuki skim penyusunan semula hutang dengan pemiutang. Seorang Penama (*nominee*) akan dilantik bagi tujuan tersebut. Pihak AKPK juga boleh dilantik sebagai nominee. Kerajaan melihat ia sebagai peluang terakhir bagi penghutang untuk berunding dan mengelakkan Perintah Kebankrapan dijatuhkan oleh Mahkamah.

6. Berdasarkan perkembangan ekonomi semasa, Kerajaan peka dengan keperluan rakyat yang semakin banyak menggunakan perkhidmatan dari pelbagai penyedia kredit. Parlimen pada Ogos 2019, telah pun meluluskan untuk meningkatkan had minimum mufliis dari RM50,000 kepada RM100,000 di dalam Akta 360. Pada tahun 2017, pindaan turut dibuat kepada Akta 360 yang mewujudkan peruntukan berkenaan pelepasan automatik bankrap yang membolehkan bankrap dilepaskan dari kebankrapan dalam tempoh masa yang lebih singkat serta penambahan peruntukan yang menetapkan larangan mutlak untuk memulakan sebarang tindakan kebankrapan terhadap penjamin sosial (*social guarantor*). Pindaan-pindaan kepada Akta 360 tersebut telah menunjukkan impak positif dalam pengurangan drastik golongan bankrap sehingga 50% terutamanya di kalangan belia selepas tahun 2019.

7. Selain itu, melalui Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan dasar kerajaan untuk memberikan peluang kedua kepada rakyat yang telah diisytiharkan bankrap. Selaras dengan itu, Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta 360 dengan membuat penambahbaikan kepada peruntukan pelepasan

secara automatik yang sedia ada. Sementara menunggu pindaan berkenaan, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membantu rakyat yang bankrap dengan jumlah hutang berskala kecil iaitu di bawah jumlah RM50,000 dilepaskan daripada kebankrapan bermula 1 Mac 2023.

8. Selain itu juga, pelbagai program kesedaran seperti program pengawalan inflasi dan kos sara hidup oleh Kerajaan secara tidak langsung telah membantu mengekang masalah keberhutangan yang serius di mana bilangan individu yang diisytihar bankrap telah berkurangan dari jumlah 8,351 orang pada tahun 2020, kepada 6,554 pada tahun 2021 dan 5,695 pada tahun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 22 MAC 2023**

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan
jangka pendek dan perancangan jangka panjang untuk menghindari
konflik masyarakat Orang Asli dengan gajah dan harimau yang semakin
kritikal sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia prihatin dengan situasi konflik manusia dan spesies hidupan liar terutamanya gajah dan harimau.

2. Bagi pengurusan menangani konflik 'manusia dan gajah', Jabatan PERHILITAN telah menjalankan beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) menjalankan operasi tangkap-pindah gajah daripada kawasan konflik ke Santuari Gajah Sungai Ketiar di Terengganu, Taman Negara Terengganu, Hutan Simpan Belum dan Hutan Simpan Lenggor di Perak, Hutan Simpan Panti di Johor dan Taman Negara Johor (Endau-Rompin);
- (ii) membina Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) kekal sepanjang 303.4 km di kawasan konflik manusia dan gajah bagi lima (5) negeri keliaran gajah iaitu Pahang, Johor, Perak, Kelantan dan Terengganu;
- (iii) membina Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) mudah alih sepanjang 28.05 km di kawasan konflik manusia dan gajah bagi empat (4) negeri keliaran gajah iaitu Pahang, Kedah, Perak dan Terengganu;

- (iv) melaksanakan sistem amaran awal dan menjalankan penyelidikan pergerakan gajah liar melalui pemasangan kolar satelit ke atas lima (5) ekor gajah di Kluang dan Mersing, Johor;
- (v) mengadakan program kesedaran awam dan program pemasangan pagar komuniti bersama penduduk setempat yang terkesan dengan konflik manusia dan gajah;
- (vi) mengadakan sesi perbincangan, dialog dan konsultasi bersama pihak berkepentingan di sekitar kawasan konflik manusia dan gajah yang memberi tumpuan terhadap menyayangi hidupan liar serta kaedah pengurusan kebun yang betul terutamanya yang bersempadan dengan kawasan hutan; dan
- (vii) membangunkan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (NECAP) sebagai panduan dalam melaksanakan pengurusan gajah yang lebih holistik.

3. Untuk melindungi masyarakat Orang Asli dan orang kampung yang terjejas akibat konflik manusia dan harimau, Jabatan PERHILITAN melaksanakan tindakan-tindakan berikut:

- (i) melaksanakan program pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan dalam tempoh tertentu sehingga keadaan konflik menjadi stabil;

NO SOALAN: 27

- (ii) memasang perangkap harimau berdasarkan tahap keseriusan aduan dan kekerapan harimau berkeliaran di kawasan konflik berkaitan;
- (iii) menembak mati harimau yang mendatangkan kecederaan atau kematian terhadap orang awam; dan
- (iv) melaksanakan program kesedaran awam untuk memberi pendedahan dan khidmat nasihat kepada masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan melindungi harimau dan teknik melindungi diri jika berlakunya konflik manusia dan harimau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk menjadikan NADMA sebagai sebuah agensi yang bersifat lebih pro-aktif dalam berdepan dengan bencana.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa cakna dengan keperluan menjamin keselamatan dan kebajikan rakyat termasuk di dalam aspek pengurusan bencana. Menyedari peranan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang amat penting selaku peneraju pengurusan bencana negara yang melibatkan penyelarasan pelbagai agensi di peringkat pusat, negeri dan daerah dari aspek pengurangan risiko bencana (DRR), kesiapsiagaan, tindak balas dan pemulihan semula, maka Jemaah Menteri pada 22 Disember 2021 telah memutuskan supaya struktur NADMA diteliti semula untuk diperkukuhkan.
2. Untuk itu, NADMA sedang dalam proses penstrukturan semula organisasi bersama dengan Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tanggungjawab pengurusan bencana secara keseluruhan selaras dengan peranan NADMA sebagai mana yang termaktub di bawah Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara. Mengambil kira semua perkara yang dibangkitkan dalam mandat Jemaah menteri, cadangan pengukuhan NADMA akan menumpukan kepada tiga perkara iaitu:

- a. Koordinasi bencana;
 - b. Mitigasi dan pembangunan semula; dan
 - c. Sinergi pengurusan strategik.
3. Selain itu, tindakan proaktif diusahakan oleh NADMA untuk memperkasakan DRR melalui pembentukan Dasar DRR. NADMA juga sedang dalam tindakan menggubal Akta Pengurangan Risiko Bencana yang bersifat *omnibus*, merangkumi aspek tadbir urus, penguatkuasaan, kesiapsiagaan, DRR, tindak balas, pembangunan semula dan pemulihan.
 4. Pewujudan repositori daftar risiko bencana negara (National Risk Register) juga akan membantu mempertingkatkan perluasan dasar DRR melalui pembuatan keputusan berdasarkan risiko dan maklumat sejarah bencana di peringkat daerah dan negeri.
 5. Bagi memastikan pengurusan bencana di Malaysia seiring dengan perkembangan teknologi semasa, NADMA turut mengambil inisiatif untuk memperkasakan Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) sebagai pusat koordinasi maklumat dan pemantauan bencana di peringkat nasional. Inisiatif ini mengambil kira kepentingan wujudnya suatu sistem yang lebih dinamik, tepat dan cepat dalam membantu perancangan, pelaksanaan operasi, pemberian bantuan dan pemulihan awal serta pembangunan semula pasca bencana.

6. NDCC turut berpotensi untuk memperkasa pengurusan bencana ke tahap yang lebih efisien dengan memberi fokus kepada penyelarasan data-data bencana terkini daripada agensi berkaitan dan mempunyai ciri-ciri peramalan kesan serta penderiaan permintaan (*demand sensing*) yang dapat membantu dalam pembuatan keputusan.
7. Dari segi peruntukan, semasa pembentangan Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2023 pada 22 Disember 2022, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM400 juta kepada NADMA dan sewaktu pembentangan Belanjawan 2023 pula, YAB Perdana Menteri mengumumkan penambahan peruntukan sebanyak RM150 juta lagi bagi pembelian keperluan aset, sistem amaran dan bantuan bencana kepada rakyat yang terkesan.
8. Peruntukan tambahan ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk memastikan pengurusan bencana di pertingkatkan dan bantuan kepada mangsa yang terkesan akibat bencana sentiasa mencukupi.
9. Antara perkara yang akan dilaksanakan adalah perolehan *bailey bridge*, kit makanan, khemah Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK), makanan berteknologi *retort*, bot berenjin, pembaikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan aktiviti-aktiviti penambahbaikan pengurusan bencana (berdasarkan lapan langkah strategik penambahbaikan pengurusan bencana yang dipersetujui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat pada 3 Februari 2022) dari segi pembangunan kapasiti.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman jua, persiapan menghadapi bencana negara adalah bersifat proaktif. Dalam hal ini, agensi, NGO dan komuniti telah dipersiapkan untuk menghadapi bencana melalui latihan dan perolehan aset pada setiap masa

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 22 MAC 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membantu lebih banyak penyediaan taska di tempat kerja termasuklah di syarikat swasta khususnya yang melibatkan keluarga B40 dan M40

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa menyokong agar pihak majikan menyediakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) di Tempat Kerja bagi memberi sokongan kepada ibu bapa agar dapat bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Berdasarkan statistik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Disember 2022, terdapat **261** buah TASKA Tempat Kerja iaitu yang **220** buah disediakan oleh majikan di sektor awam dan **41** buah disediakan oleh sektor swasta.

Justeru, antara inisiatif sedia ada yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan kementerian atau jabatan Kerajaan menubuhkan TASKA di Tempat Kerja masing-masing bagi kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989;
- ii. Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan RM180 sebulan kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak ke TASKA yang berdaftar termasuk TASKA Tempat Kerja.

- iii. Potongan Cukai kepada majikan yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja yang menghantar anak ke TASKA dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA mulai tahun taksiran 2013. (Rujukan: Ketetapan Umum No. 5/2016 Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)
- iv. Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun kepada pengusaha TASKA mulai tahun taksiran 2013. (Rujukan: Ketetapan Umum No. 4/2016 Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)
- v. Elaun bangunan industri pada kadar 10% diberi kepada sektor swasta yang mengusahakan TASKA mulai tahun taksiran 2010. Insentif ini hanya terpakai kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan TASKA yang berdaftar dengan JKM. (Rujukan: Ketetapan Umum No. 5/2016 Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia)

Walaupun bagaimanapun jumlah TASKA Tempat Kerja masih tidak memberansangkan kerana faktor-faktor berikut:

- i. Ketiadaan ruang untuk menubuhkan TASKA di premis pejabat seperti bangunan pejabat yang lama, tidak disediakan ruang khas dan tidak mempunyai ruang yang mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan TASKA.
- ii. Isu kekangan kewangan bagi agensi swasta untuk menubuhkan TASKA.

- iii. Tiada permintaan di kalangan kakitangan kerana penghantaran anak ke TASKA di Tempat Kerja juga bergantung kepada waktu bekerja ibu bapa dan TASKA yang berhampiran dengan tempat tinggal adalah lebih mudah.

KPWKM melalui JKM sentiasa prihatin dan menggalakkan penubuhan TASKA di Tempat Kerja melalui pelbagai strategi. Antara strategi yang telah dilaksanakan:

- i. Program advokasi bagi meningkatkan kesedaran pelbagai pihak berkaitan TASKA. Antaranya seperti Kempen Jom Daftar TASKA, khidmat nasihat pendaftaran dan membuka kaunter maklumat pameran dalam program-program yang dianjurkan oleh syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang lain;
- ii. JKM mengaktifkan fungsi "*one stop centre*" di negeri bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agensi teknikal dalam pendaftaran TASKA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATIN HAJAH ROS SURYATI BINTI**
ALAN
TARIKH : **22 MAC 2023**

DATIN HAJAH ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status hutang negara pada masa ini. Bagaimanakah Kerajaan mengawal dan memantau hutang negara agar tidak terjerumus ke dalam defisit yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir 2022, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.6 bilion atau 60.4% kepada KDNK. Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri adalah sebanyak RM1,050.1 bilion manakala pinjaman luar pesisir sebanyak RM29.5 bilion.

Dalam memastikan paras hutang terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi dalam usaha menyelesaikan peningkatan paras hutang. Antaranya:

- i. Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara;
- ii. Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan di mana perbelanjaan mengurus perlu dibiayai melalui hasil negara dan Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- iii. Memastikan bayaran khidmat hutang terkawal dan tidak melebihi 15% daripada hasil;

- iv. Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan
- v. Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek secara off-budget yang membebankan. Projek-projek ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah DE.

Secara amnya, Kerajaan perlu membuat pinjaman setiap tahun bagi membiayai defisit fiskal iaitu menampung perbelanjaan pembangunan. Pinjaman tahunan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan ini akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit. Oleh itu, Kerajaan akan terus komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat bagi terus memperkukuh kedudukan kewangan dan mengawal peningkatan paras hutang. Seterusnya, kedudukan fiskal negara kekal kukuh dengan defisit fiskal diunjur terus berkurang kepada 5% daripada KDNK pada 2023 berbanding 5.6% pada 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 22 MAC 2023**

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan rangkaian internet 5G terutamanya di Sarawak dan bandar Sibu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 28 Februari 2023, sebanyak 227 tapak daripada sasaran keseluruhan 587 tapak 5G telah siap dibangunkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di Sarawak yang merangkumi kawasan di Asahan, Bintulu, Kanowit, Kuching, Miri, Samarahan, Sarikei, Sibul dan Sri Aman.

Bagi Sibul, sebanyak 6 tapak daripada 75 tapak 5G yang dirancang telah disiapkan manakala baki 69 tapak dijangka akan disiapkan menjelang penghujung tahun 2023.

Bil.	Kawasan	Bilangan Tapak
1.	Bandar Sibul	19
2.	Teku	15
3.	Lanang	15
4.	Kem Rascom Batu 10	12
5.	Sungai Merah 2	2
6.	Pulau Kerto	2
7.	Taman Teku Fasa 1	1
8.	SK Sg Salim	1
9.	Long House	1
10.	Breeding Farm Sibul	1
11.	Kem Junaco Park Regimen	1
12.	Rantau Panjang Industrial	1
13.	Tanjung Kunyit	1
14.	Roundtree Timber	1
15.	Nanga Salim	1
16.	Ladang Retus	1
	Jumlah	75

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan angka-angka terkini levi HRD Corp. Adakah ianya mencatat kenaikan selepas pandemik COVID-19

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada **tahun 2019**, sebanyak **RM889.87 juta pungutan levi** berjaya direkodkan berbanding hanya **RM474.86 juta** yang direkodkan pada **tahun 2020**. Angka ini menunjukkan bahawa pungutan levi mencatatkan **penurunan** sebanyak **47 peratus** pada **tahun 2020**. Penurunan ini adalah disebabkan oleh beberapa siri pengeculian levi yang telah diberikan kepada majikan di semua sektor ekonomi, terutama sekali kepada sektor yang sangat terkesan dengan pandemik COVID-19 serta penutupan ekonomi melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

2. Walau bagaimanapun, **pungutan levi** kembali mencatatkan **peningkatan** kepada **RM847.97 juta** pada **tahun 2021** dan **peningkatan mendadak terus** dicatatkan pada **tahun 2022** dengan **RM1,811.01 juta** iaitu sebanyak **114 peratus** berbanding tahun sebelumnya.

3. Peningkatan mendadak ini didorong oleh pembukaan semula semua sektor ekonomi serta pemansuhan Perintah Kawalan Pergerakan. Pemulihan secara beransur-ansur ini membolehkan syarikat mendapatkan semula momentum perniagaan dan seterusnya memacu pemulihan ekonomi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah stok ayam daging dan telur ayam menjelang April 2023 di musim perayaan dan sejauh manakah kawalan harga dilakukan oleh Kerajaan bagi membendung kadar inflasi dan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang diunjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), jumlah stok ayam dan telur pada bulan April 2023 iaitu musim perayaan seperti berikut:

- i. Bekalan ayam sebanyak 83,937,246 ekor berbanding keperluan sebanyak 75,004,487 ekor; dan
- ii. Bekalan telur sebanyak 983,688,639 biji berbanding keperluan sebanyak 1,004,506,942 biji.

Bagi bagi memastikan bekalan ayam dan telur mencukupi pada musim perayaan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

(a) Jangka pendek

- i. memberi subsidi kepada penternak ayam pedaging dan ayam penelur untuk membantu mengatasi kenaikan kos pengeluaran, mulai 5 Februari 2022 hingga 31 Disember 2022. Sehingga 15 Februari 2023, sebanyak 18,880 permohonan bernilai RM1.69 bilion subsidi telah diluluskan kepada penternak;

NO SOALAN: 34

- ii. mengawal pengeksportan ayam ke luar negara mulai 1 Jun 2022 dan mengenakan kuota pengeksportan bagi setiap ladang eksport mulai 1 Oktober 2022;
 - iii. memansuhkan *Approved Permit* (AP) bagi ayam bulat dan keratan ayam mulai 18 Mei 2022;
 - iv. membenarkan pengimportan telur dari luar negara mulai Disember 2022;
 - v. mengedarkan bekalan ayam dan telur ke seluruh negara melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA); dan
 - vi. membenarkan pengimportan anak ayam (*Day Old Chick – DOC*) atau telur bernas dari negara Brazil, New Zealand, Perancis dan Australia bagi memastikan stok pengganti ayam penelur mencukupi.
- (b) Jangka panjang
- i. mengurangkan kebergantungan kepada sumber jagung import sebanyak 30% menerusi inisiatif penanaman jagung bijian dalam negara menjelang tahun 2032;
 - ii. menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berasaskan isirung sawit seperti PKC/PKE;

NO SOALAN: 34

- iii. melaksanakan kajian bagi makanan ternakan ayam berasaskan sumber alternatif larva *Black Soldier Fly* (BSF) di bawah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); dan
- iv. menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk membantu penternak mengatasi masalah modal pusingan kewangan yang terjejas akibat kenaikan kos pengeluaran.

Bagi membendung kadar inflasi dan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil langkah menetapkan harga barangan tertentu melalui Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) seperti berikut:

- i. menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan tinggi;
- ii. memastikan harga barangan tidak melonjak naik; dan
- iii. memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan secara berlebihan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam membenarkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bersasar bagi membolehkan pencarum yang masih terdesak dengan kos sara hidup fasa endemik ini dibenarkan mengeluarkan wang simpanan mereka bagi tujuan kelangsungan hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian Kerajaan berhubung pengeluaran KWSP secara bersasar

Seperti yang dinyatakan semasa penggulungan perbahasan Belanjawan 2023 pada 9 Mac 2023 yang lalu, Kerajaan tidak mempertimbangkan pengeluaran tambahan daripada simpanan KWSP ahli seperti yang dilakukan semasa pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, KWSP telah diminta untuk meneliti mekanisme bagi memberi ruang kepada ahli yang terdesak untuk mendapatkan bantuan kewangan tunai dan mempunyai simpanan di dalam KWSP untuk mendapatkan pinjaman daripada bank berdasarkan amaun simpanan dalam Akaun 2 ahli. Perincian mekanisme berkaitan perkara ini akan dimaklumkan oleh KWSP kelak setelah diperhalusi bersama Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan pihak bank.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baru Majlis TVET Negara memandangkan peratusan penglibatan TVET masih di paras peratusan lingkungan 35%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengiktiraf TVET sebagai *game changer* yang memacu kemajuan ekonomi negara melalui pembangunan tenaga kerja mahir. Sehubungan itu, Kerajaan amat menggalakkan lepasan SPM untuk melibatkan diri dalam program TVET menerusi pelbagai institusi TVET yang terdapat di negara kita. Dalam Rancangan Malaysia ke-12, Kerajaan menyasarkan penyertaan 55 peratus lepasan SPM menyertai program TVET dengan pencapaian 86.7 peratus kadar kebolehpasaran lepasan TVET.
2. Dalam usaha menarik penyertaan lepasan sekolah dalam bidang TVET, Kerajaan giat **memberi pendedahan terhadap potensi TVET, menjalankan program outreach, dan membuat hebahan kisah kejayaan lepasan TVET** secara berterusan dalam usaha membina imej positif TVET di kalangan masyarakat.
3. Selain itu, **program TVET turut ditransformasi melalui pengenalan standard dan kurikulum latihan yang sepadan dengan keperluan teknologi** terkini agar sentiasa relevan dan dapat mengelakkan daripada isu ketidakpadanan (*mismatch*) dikalangan graduan TVET. Ini termasuklah memperkenalkan **program-program baharu** yang merangkumi elemen seperti **data analitik, teknologi robotik, dan internet of things** yang menjadi teras utama dalam **Industri 4.0**. Usaha ini dilaksanakan menerusi **kerjasama strategik dengan pihak industri** di mana mereka akan terlibat secara langsung

SOALAN NO: 36

dalam pelaksanaan TVET melalui **pembangunan kurikulum, penyampaian latihan, perkongsian kepakaran dan peralatan.**

4. Dalam masa yang sama, program TVET turut **menawarkan kursus jangka pendek** bagi meningkatkan fleksibiliti pelaksanaanya. Menerusi pendekatan ini, peserta boleh mendapatkan **pensijilan TVET berkonsepkan *microcredential*** dengan memberi fokus kepada set kemahiran yang diminati dalam tempoh masa yang lebih singkat. Program TVET melalui kerjasama industri seperti **Sistem Latihan Dual Nasional dan *Bootcamp*** juga dilaksanakan untuk membuka lebih ruang dan peluang kepada golongan muda meningkatkan kemahiran melalui TVET.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme pembiayaan pembangunan Putrajaya dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan untuk membangunkan Putrajaya sehingga sekarang.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk Putrajaya 1995 (PIP 1995) merupakan pelan yang menjadi asas dalam perancangan pembangunan Putrajaya. Pelan tersebut telah menggariskan cadangan untuk membangunkan pusat pentadbiran persekutuan serta menyediakan asas perancangan terperinci reka bentuk dan pelaksanaan.
2. Putrajaya dibangunkan melalui kaedah penswastaaan di mana pada 30 Ogos 1995, Kerajaan telah meluluskan penubuhan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PjHSB), iaitu sebuah syarikat usaha sama antara PETRONAS (40%), Khazanah Holdings (40%) dan Kumpulan Wang Amanah Negara (20%) untuk melaksanakan pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.
3. Kerajaan telah bersetuju melantik PjHSB sebagai pemegang konsesi serta diberi mandat untuk mengatur pembiayaan dan membina bangunan Kerajaan, kuarters, ruang komersial, rumah persendirian, infrastruktur tempatan bagi kawasan komersial dan kediaman di Putrajaya. Melalui mekanisme ini, pembiayaan pelaksanaan pembangunan projek Putrajaya tidak akan mengganggu perancangan belanjawan negara keseluruhannya pada ketika itu dan lebih praktikal untuk jangka panjang.

NO SOALAN: 37

4. Berdasarkan dokumen kontrak dan rekod kos projek pembangunan sehingga 31 Disember 2021, jumlah kos pembangunan Putrajaya berjumlah RM26.357 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN HAJI AZIZ BIN ARIFFIN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang diperuntukkan serta perancangan pihak Kementerian bagi membantu rakyat terutamanya yang mengalami masalah kewangan akibat daripada peningkatan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sehingga mampu mengakibatkan mereka diisytihar muflis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memahami keresahan rakyat yang mengalami masalah kewangan berikutan kenaikan OPR. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) baru-baru ini telah memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75 peratus. Keputusan untuk mengekalkan kadar OPR dibuat bagi menilai kesan pelarasan kumulatif OPR pada tahun lalu terhadap prospek inflasi dan ekonomi Malaysia. Ia juga turut dibuat dengan mengambil kira kesan sela masa (*lag effect*) daripada peningkatan OPR sebanyak empat kali berturut-turut pada tahun lalu bagi membolehkan MPC mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai kesan kenaikan OPR terhadap pengurangan tekanan permintaan yang melibatkan perubahan tingkah laku isi rumah dan perniagaan yang biasanya mengambil masa.

Tidak dinafikan segelintir peminjam akan menghadapi masalah kewangan berikutan kenaikan OPR. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan keberlangsungan kehidupan rakyat dengan kos sara hidup terkawal, Kerajaan dijangka akan membelanja sebanyak RM64 bilion pada tahun ini untuk memastikan rakyat dapat terus menikmati subsidi barangan keperluan asas seperti subsidi kepenggunaan yang meliputi beras, gula, minyak petrol, diesel, LPG dan minyak masak serta subsidi bil elektrik. Tanpa peruntukan yang besar ini, sudah tentu sukar untuk rakyat terutamanya golongan B40 untuk membeli barangan keperluan asas ini. Bukan itu sahaja, Kerajaan juga menyediakan pelbagai bantuan sosial termasuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) di bawah Konsep

Payung Rahmah yang dijangka dapat membantu meringankan beban sara hidup hampir 9 juta penerima dengan peruntukan disediakan hampir 8 bilion ringgit. STR ini akan diteruskan dengan beberapa pembaharuan diambil kira supaya isi rumah yang benar-benar terkesan, mendapat manfaat yang lebih daripada STR.

Kekal dengan hasrat membantu meringankan beban rakyat, Kerajaan juga memperuntukkan 100 juta ringgit bagi pelaksanaan program Jualan Rahmah yang menawarkan barangan asas dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran yang melibatkan 222 kawasan Parlimen. Di samping itu, Kerajaan juga akan meningkatkan peruntukan bagi memperluas program pengedaran barangan keperluan asas ke 25 kawasan baharu antaranya di Paloh dan Passin, Sarawak, Pasir Raja, Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan dengan peruntukan sebanyak 225 juta ringgit. Melalui program ini, Kerajaan menampung kos pengangkutan barangan keperluan asas tersebut bagi memastikan rakyat di kawasan pedalaman kekal menikmati harga barang yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN SR. MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menarik minat pelabur gergasi yang berasaskan ICT seperti Google, Tesla, Amazon dan Ali Baba ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa meletakkan sasaran untuk menarik pelaburan berkualiti serta berimpak tinggi ke dalam negara dengan memberi fokus kepada syarikat-syarikat asing yang berprofil tinggi. Kerajaan juga sedar akan keperluan dan kepentingan untuk membangunkan sektor industri yang berteraskan teknologi tinggi dan mempunyai nilai tambah terhadap ekosistem industri di negara ini.

Dalam usaha meningkatkan pelaburan pendigitalan ke dalam negara, Kerajaan telah melancarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM) pada 19 Februari 2022 iaitu satu inisiatif nasional yang mencerminkan aspirasi Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara berpendapatan tinggi dan berpacuan digital serta menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital. Usaha dan inisiatif untuk menarik pelaburan digital ini dijangka dapat meningkatkan sumbangan ekonomi digital sebanyak 25.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2025 dan seterusnya membina asas untuk memacu pendigitalan negara sambil merapatkan jurang digital.

Di samping itu, Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri pada 22 April 2021, telah meluluskan cadangan MITI untuk menubuhkan Pejabat Pelaburan Digital (*Digital Investment Office - DIO*). DIO merupakan satu kerjasama untuk menarik pelaburan pendigitalan secara bersepadu antara agensi

MITI iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), sebuah agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD).

Penubuhan DIO ini merupakan platform penting dalam merealisasikan usaha dan inisiatif RTEDM dengan matlamat khusus untuk menarik pelaburan pendigitalan sebanyak RM70 bilion menjelang 2025, di samping memenuhi hasrat inisiatif Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) yang memberi fokus kepada pelaburan berimpak tinggi dan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 6 Oktober 2022, MITI telah melancarkan Dasar Pelaburan Baharu (NIP) berdasarkan NIA di mana ianya dijangka mendorong pertumbuhan jangka panjang untuk Malaysia melalui kemasukan pelaburan berkualiti tinggi yang mampan dalam bidang pertumbuhan baharu dan kompleks. Aspirasi ini berfungsi sebagai asas teras NIP, yang menggariskan strategi penting untuk menggiatkan semula dan memangkin ekosistem pelaburan Malaysia.

Di bawah NIP, MITI telah mengenal pasti ekonomi digital sebagai satu daripada lima sektor strategik utama. Rangka kerja NIP juga memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampanan yang serasi dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environmental, Social, and Governance - ESG*) yang akan mendorong pertumbuhan dalam sektor yang canggih dari segi teknologi, serta mengukuhkan hubungan rantaian ke hadapan dan ke belakang seterusnya mencipta peluang pekerjaan berkualiti dan berkemahiran tinggi untuk rakyat

tempatan. Ini juga selaras dengan kerangka Malaysia MADANI yang mendorong pembangunan keupayaan yang lestari serta pemindahan teknologi dan daya cipta melalui jalinan kerjasama luar, dalam sektor berpotensi dan berkepentingan strategik, ke arah memacu ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum.

Menerusi DIO, proses pelaburan dapat dipercepatkan di mana strategi pelaburan di antara pihak berkepentingan akan diselaraskan untuk menentukan lokasi pelaburan terbaik, ketersediaan pakej insentif cukai serta sebagai pemudah cara pelaburan digital dari peringkat awal ke akhir (*end-to-end facilitation*), termasuk fasa sebelum dan selepas pelaksanaan projek dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pelaburan digital.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh MIDA untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi dari dalam dan luar negara adalah dengan melaksanakan strategi secara bersasar melalui pendekatan ekosistem (*ecosystem approach*). Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- a. Misi Pelaburan dan Perdagangan ke negara-negara yang telah dikenalpasti dan mempunyai potensi pelaburan;
- b. Mempromosi skim insentif *Digital Ecosystem Acceleration (DESAC)* dan *Malaysia Digital (MD)* bagi menyokong pembangunan ekosistem digital negara;
- c. Misi Projek Khas (*Specific Project Mission*) dan lawatan kerja spesifik bagi memfokuskan kepada industri sasaran dan syarikat-syarikat bertaraf dunia yang sangat berpotensi; dan
- d. Penglibatan secara aktif dan berterusan dengan Pasukan Petugas Penyelarasan Pelaburan Pusat Data (*Data Centre Investment Coordination Task Force - DCICTF*) yang dipengerusikan bersama

oleh MITI dan KKD untuk menangani sebarang isu mengenai projek pusat data dan mempercepatkan pelaksanaan pelaburan infrastuktur digital di Malaysia.

Kerajaan melalui MIDA dan DIO akan terus memainkan peranan penting untuk mempercepatkan pertumbuhan pelaburan digital serta mempergiat dan mengukuhkan usaha bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara destinasi pelaburan pilihan, terutamanya pelaburan yang berkualiti tinggi agar dapat memberi manfaat kepada agenda sosio-ekonomi negara melalui limpahan aktiviti ekonomi, pewujudan peluang perniagaan dan penciptaan pekerjaan yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF.TAN SRI DATUK DR.HJ.
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : 23 MAC 2023

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah Kementerian mampu melaksanakan subsidi bersasar kepada golongan tertentu dan adakah sistem sedia ada mampu untuk melaksanakan dasar ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada ketika ini menguruskan dua (2) produk subsidi iaitu **minyak masak paket 1kg** dan juga **kuota diesel bersubsidi bagi sektor pengangkutan terpilih**.

KPDN telah membangunkan sistem eCOSS bagi **subsidi minyak masak** di bawah Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) untuk menguruskan subsidi minyak masak paket 1kg. Sistem ini merakam transaksi jualan dan belian daripada pengilang, pemborong dan hinggalah peringkat peruncitan. Sistem ini juga sedang ditambahbaik agar boleh melaksanakan kawalan pembelian oleh pengguna sebagai persediaan kepada mekanisme subsidi bersasar pada masa akan datang.

Bagi **subsidi diesel** pula, KPDN pada ketika ini menguruskan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) kepada sektor pengangkutan terpilih seperti berikut:

- i. Sektor Pengangkutan Darat (Awam);
- ii. Sektor Pengangkutan Darat (Barangan);
- iii. Sektor Bot Penumpang Sungai; dan
- iv. Sektor Feri/Bot Penumpang ke Pulau-Pulau Utama.

Sektor-sektor di bawah SKDS menerima kadar subsidi yang ditetapkan oleh MOF. Tadbir urus sedia ada dilakukan melalui kuota yang telah ditetapkan untuk kaedah saluran menggunakan *fleet card* dan *skid tank*.

NO SOALAN: 40

Secara amnya, Kerajaan masih di peringkat pengenalpastian mekanisma terbaik untuk beralih daripada pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi secara bersasar. Peralihan tersebut perlu diteliti secara komprehensif memandangkan terdapat pelbagai jenis subsidi yang diberikan oleh Kerajaan pada masa ini seperti minyak masak, petrol, diesel, LPG dan lain-lain, yang mana pengurusan subsidi ini dikelola oleh pelbagai agensi melalui mekanisme yang tersendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L SAMY
VELLU
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L SAMY VELLU minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah wujud atau tidak program pemerkasaan ekonomi khas untuk bantu menjana ekonomi tempatan untuk kontraktor bukan bumiputera ketika pandemik COVID-19 yang melanda negara seperti Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa (JANA WIBAWA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menetapkan bahawa perolehan hendaklah dilaksanakan secara tender atau sebut harga terbuka yang melibatkan pelawaan kepada semua syarikat/kontraktor yang layak berdasarkan gred yang ditetapkan. Amalan perolehan secara terbuka ini bukan sahaja dapat mewujudkan persaingan yang sihat malah dapat membantu Kerajaan untuk mendapatkan nilai faedah terbaik serta menguntungkan Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, program Jana Wibawa tidak diteruskan dan antara langkah Kerajaan semasa adalah untuk mengkaji semula projek yang diluluskan rundingan terus sebelum ini tetapi belum dimukmatatkan. Selaras dengan hasrat Kerajaan sekarang untuk mewujudkan komuniti perniagaan yang lebih berdaya saing, Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada mana-mana syarikat yang berkelayakan untuk menyertai perolehan Kerajaan dan Kerajaan tidak sama sekali mengabaikan agenda pembangunan bukan Bumiputera. Sebagai contoh, kontraktor bukan Bumiputera juga telah diberi peluang untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan kecil di Sekolah Jenis Kebangsaan melalui dana khas Kementerian Kewangan.

Langkah yang telah diambil oleh Kerajaan seperti dinyatakan di atas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan kelestarian syarikat dan kontraktor bukan Bumiputera supaya terus berdaya saing dan maju dalam bidang masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah jenis sukan yang disasarkan memperolehi pingat emas di Sukan Olimpik terdekat dan langkah yang diambil untuk merealisasikan sasaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengumumkan pembentukan sebuah jawatankuasa projek *Road to Gold* untuk menyelaraskan usaha negara bagi meraih pingat emas di Temasya Sukan Olimpik. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan bersama oleh saya dan YBhg. Tan Sri (Dr.) Norza Zakaria, Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Dengan mengambil kira kaedah pelaksanaan program-program seumpamanya sebelum ini dan tempoh lebih kurang setahun sahaja lagi untuk menghadapi Temasya Sukan Olimpik Paris pada tahun hadapan, Jawatankuasa ini akan menyediakan satu rangka kerja jangka panjang meliputi Temasya Sukan Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028. Jawatankuasa yang sebelum ini dikenali sebagai Jawatankuasa Gold Paris, kini akan dikenali sebagai Jawatankuasa Road to Gold.

Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Program Podium sedia ada dan akan memberi tumpuan kepada program persediaan atlet elit meliputi latihan harian dan latihan di luar negara, pendedahan kepada pertandingan dalam dan luar negara, penyediaan khidmat jurulatih, kakitangan sokongan, perkhidmatan sains sukan dan perubatan serta program bina diri. Manakala bagi persediaan Temasya Sukan Paralimpik, program emas para atlet akan diteruskan di bawah Program Podium di peringkat Majlis Sukan Negara (MSN).

Jawatankuasa Road to Gold ini akan turut memperkasakan Program Podium sedia ada yang dikendalikan oleh MSN dan Institut Sukan Negara (ISN) dengan pemantauan oleh pihak Kementerian. Jawatankuasa ini akan turut memberi penumpuan ke arah menghapuskan sekatan, mengatasi had sedia ada dan menyediakan sokongan tambahan untuk bakal pemenang pingat negara. Sokongan tambahan yang diperlukan akan disesuaikan mengikut keperluan setiap individu yang berpotensi melalui sesi konsultasi dengan atlet dan jurulatih masing-masing. Ia tidak terhad kepada sokongan berbentuk fizikal sahaja malah meliputi aspek kesejahteraan diri atlet secara keseluruhan.

Pelantikan ahli-ahli Jawatankuasa adalah atas dasar sukarela dan terdiri daripada gabungan pentadbir dan bekas atlet negara.

Penetapan sasaran pingat akan ditentukan secara bersama di antara pihak Kementerian melalui MSN dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) selepas penetapan dan pendaftaran atlet-atlet ke temasya tersebut. Proses kelayakan ke Temasya Sukan Olimpik masih lagi berlangsung dan dijangka akan berakhir pada bulan Jun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk meningkatkan taraf hidup golongan bersasar seperti Orang Kelainan Upaya serta warga emas, dan nyatakan apakah kemudahan perkhidmatan percuma yang disediakan untuk golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pertama sekali saya ingin menarik perhatian semua tentang penggunaan istilah OKU. Tafsiran yang betul dan tepat bagi perkataan OKU adalah Orang Kurang Upaya dan bukan Orang Kelainan Upaya. Perkataan Orang Kelainan Upaya tidak digunakan bagi menggambarkan ketidakupayaan seseorang.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa merangka program pemerksaan, sokongan pekerjaan dan latihan kemahiran OKU bagi meningkatkan taraf hidup mereka. Di antara program yang dilaksanakan adalah:

1. Bengkel Terlindung

Di bawah KPWKM melalui JKM terdapat dua Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah. Penubuhan bengkel ini adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Di samping itu bengkel ini juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka.

Bengkel Daya menyediakan peluang pekerjaan di Unit Kerja (Bengkel Perusahaan) kepada pekerja OKU seperti jahitan, sulaman, roti dan pastri, dobi, peruncitan dan bistro (restoran). Sehingga kini, seramai 75 orang OKU telah mendapat manfaat di Bengkel Daya.

2. Program Job Coach.

Perkhidmatan Job Coach yang telah diperkenalkan pada tahun 2012 melalui kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Japan International Cooperation Agency (JICA) adalah yang merupakan inisiatif untuk memberi sokongan pekerjaan kepada OKU. Program ini bertujuan bagi menggalakkan OKU untuk kekal di dalam sektor pekerjaan.

3. Program Pemerkasaan Kemahiran Keupayaan OKU Down Sindrom (DSSErT).

Latihan merupakan elemen penting dalam memperkasakan keupayaan OKU bagi meningkatkan kebolehpasaran golongan ini dalam pekerjaan. Program DSSErT adalah untuk membangunkan potensi OKU Sindrom Down dengan menambah latihan bersesuaian kepada OKU atau penjaga ke arah kehidupan berdikari. Dengan adanya latihan, OKU akan dipertimbangkan dalam sesuatu pekerjaan dan akhirnya dapat menjalani kehidupan berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan dan pertolongan orang lain.

4. Program Pemerksaan Ekonomi/*Economic Empowerment Programme* (EEP) di PDK.

Program Pemerksaan Ekonomi (EEP) di PDK merupakan suatu program yang bertujuan untuk memberi latihan kemahiran/ pekerjaan dan serta membantu menjana pendapatan pelatih OKU di PDK. Program ini selaras dengan Perancangan Strategik Jabatan iaitu untuk menjana pendapatan OKU dengan menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi. Antara program kemahiran yang ditawarkan di peringkat awal pelaksanaan EEP adalah jahitan baju kurung, sulaman name tag dan tuala, pembuatan beg, sarung kusyen, cadar dan sebagainya.

Bermula tahun 2017, program ini telah diperluaskan kepada pelbagai projek meliputi jahitan, batik, kraftangan, pertanian, penternakan, perkhidmatan, pemprosesan makanan ringan, kuih tradisional, makanan sejuk beku dan lain-lain. Sehingga 2022, sebanyak 178 PDK masih meneruskan EEP yang melibatkan 967 orang pelatih PDK.

5. Modul Pemadanan Kerja di dalam Sistem Maklumat OKU.

Modul ini dibangunkan agar maklumat pencari kerja OKU dapat disimpan dan digunakan bagi tujuan padanan kerja antara majikan dan pencari kerja OKU. Modul ini berada di dalam Sistem Maklumat OKU (SMOKU) dan akan membuat padanan pekerjaan secara automatik di antara profil OKU dengan jawatan kosong yang ditawarkan oleh majikan.

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial oleh kerajaan untuk membolehkan OKU mendapat kemudahan dan keistimewaan. Terdapat hampir 30 kemudahan disediakan kepada golongan OKU termasuk kemudahan dan perkhidmatan percuma. Antara kemudahan dan keistimewaan yang utama adalah seperti berikut:

1. Bantuan kewangan:
 - a. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT);
 - b. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB);dan
 - c. Elaun Pekerja Cacat (EPC).
2. Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT/S);
3. Perkhidmatan Institusi yang menyediakan perkhidmatan jagaan, pemulihan, latihan serta peluang pekerjaan kepada orang kurang upaya;
4. Perkhidmatan Kaunseling OKU;
5. Program Pendidikan Khas;
6. Pengecualian Cukai Jalan;
7. Pengecualian Bayaran Rawatan Perubatan;
8. Kemudahan Pengecualian Bayaran Membuat Mykad & Carian Sijil Kelahiran Atau Sijil Kematian;
9. Pengecualian Bayaran Pasport;
10. Skim 1 OKU 1 Perniagaan diperkasa melalui pengecualian bayaran fi pendaftaran dan pembaharuan lesen perniagaan SSM;dan
11. Pas MyRailLife.

Selain itu, OKU juga boleh menikmati beberapa diskaun yang disediakan seperti diberikan diskaun atau potongan 50% yuran pengajian di universiti swasta dan diskaun tambang pengangkutan bas ekspres.

Dalam usaha untuk membantu meningkatkan kualiti hidup warga emas di negara ini, pelbagai inisiatif berbentuk bantuan kewangan, khidmat sokongan sosial dan kebajikan kepada warga emas disediakan adalah seperti berikut:

1. **Skim Bantuan Warga Emas (BWE)** sebanyak RM 500 sebulan kepada warga emas yang layak;
2. **JKM menyediakan perkhidmatan institusi warga emas** iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan (RE) untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka;
3. **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE);** dan
4. **Program Khidmat Bantu di Rumah (Home Help Services).**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 22 MAC 2023**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap persediaan NADMA bagi menghadapi bencana banjir besar di seluruh negara dan apakah pembaharuan yang sedang direncanakan bagi memastikan NADMA dapat berfungsi dengan responsif terutamanya di zon-zon aktif banjir di negeri Sabah yang berdepan dengan kesukaran dalam aspek logistik.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai persediaan menghadapi ketidak tentuan keadaan cuaca semasa dan untuk menghadapi bencana sewaktu musim Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023 serta memastikan semua pihak yang berkaitan berada pada tahap siap siaga yang optimum pada setiap masa, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

Pra Bencana

- i. Melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan persediaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK), pusat pemindahan sementara (PPS) dan agensi-agensi tindak balas melalui program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara.

Penekanan diberikan kepada aspek tindak balas meliputi elemen taktikal seperti pengarahannya di tempat kejadian dan komunikasi inter-agensi bertujuan untuk mempertingkatkan pemahaman setiap agensi akan peranan mereka di dalam

menguruskan bencana selain mewujudkan sinergi antara agensi;

- ii. Melaksanakan program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder*;
- iii. Dari aspek pemantauan dan amaran awal, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan persiapan melibatkan projek tebatan banjir serta pembinaan kolam takungan banjir, menaik taraf stesen siren amaran banjir dan stesen kamera web bagi tujuan ramalan dan amaran banjir. Siren amaran juga dinaik taraf dari segi bunyi dan akan disekalikan dengan pengumuman sekiranya berlaku banjir di kawasan titik panas (*hotspot*);

Persediaan Tindak Balas Bencana

- iv. Dalam pada itu, secara keseluruhannya seramai 76,336 pegawai dan anggota agensi tindak balas di semua peringkat berada dalam keadaan siap siaga sepenuhnya dengan pelbagai aset berjumlah 22,622 meliputi aset darat, air, udara, perubatan dan lain-lain bagi menghadapi sebarang kejadian bencana sepanjang musim MTL 2022/2023;
- v. Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) juga telah menyalurkan peruntukan kepada JPBN dan agensi tindak balas dengan menggunakan tabung Kumpulan Wang Amanah

Bantuan Bencana Negara (KWABBN) berjumlah RM16,475,747.00 bagi tujuan pengoperasian bencana;

- vi. Bagi aspek pengurusan mangsa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan sejumlah 6,010 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan 1,620,855 mangsa. Pihak JKM juga telah memaksimumkan fasiliti penyimpanan bantuan bencana di seluruh negara mulai bulan September dan Oktober bagi menghadapi MTL 2022/2023.
- vii. Selain itu, bagi MTL kali ini JKM menyediakan makanan *retort* untuk tempoh 24 jam pertama sebagai langkah penyediaan makanan dengan segera di awal pembukaan PPS;

Penyelarasan Pasca Bencana

- viii. Penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal, pembersihan, dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan dan pembaikan segera kerosakan infrastruktur). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara JPBN dan JPBD bersama NGO berkaitan penyelarasan pengurusan bantuan;

2. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana, Mesyuarat JPBP Bilangan 2 Tahun 2022 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.

Peruntukan Awal

3. Bagi memastikan segala bantuan diproses dan sampai ke tangan mangsa secepat mungkin, Kerajaan Persekutuan pada kali ini amat responsif dan telah menyalurkan peruntukan awal kepada negeri-negeri sebanyak RM280 juta bagi tujuan pengagihan Bantuan Wang Ihsan (BWI), BWI Kematian, Bantuan Barangan Keperluan Asas (BBKA) dan Bantuan Pembaikan Rumah (dengan kos maksimum RM5,000) sepanjang MTL 2022/2023.
4. Selain itu, NADMA juga telah menyalurkan peruntukan bagi tujuan pengurusan dan pengoperasian bencana sepanjang MTL 2022/2023 kepada negeri-negeri dan agensi-agensi tindak balas seperti berikut:

NO.	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)
1.	Peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana MTL 2022/2023 Bagi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) kepada 160 daerah	8,000,000.00
2.	Peruntukan Pengurusan Pengoperasian Bencana MTL 2022/2023 Bagi Agensi Pengurusan Bencana kepada 8 Agensi dan Sekretariat JPBN	1,080,000.00
3.	Peruntukan Bagi Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pembaikan PPS Di Seluruh Negara (Fasa 1)	2,595,747.00
4.	Agihan Bot Fiber Enjin Dan Jacket Keselamatan Bagi Pemerkasaan Komuniti MTL 2022/2023	4,800,000.00
5.	Kit Makanan (diagihkan kepada setiap KIR di PPS)	5,000,000.00
6.	<i>Collapsible Tent (C-Tent)</i>	48,936,084.00
7.	Peruntukan yang telah disalurkan bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf PPS	27,985,000.00

Peruntukan Tambahan

5. Dengan mengambil kira bencana banjir yang buruk telah melanda negeri Johor baru-baru ini, NADMA telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta kepada negeri Johor bagi tujuan pengagihan Bantuan Wang Ihsan (BWI), BWI Kematian, Bantuan Barangan Keperluan Asas (BBKA) dan Bantuan Pembaikan Rumah (dengan kos maksimum RM5,000) kepada Ketua Isi Rumah mangsa bencana yang layak sepanjang MTL 2022/2023.

6. Di peringkat Pusat, NADMA selaku sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) melalui Mesyuarat Penyelarasan PKOB Pusat yang diadakan secara harian telah memantau dan menyelaras secara keseluruhan operasi pengurusan bencana banjir di negeri-negeri yang terlibat termasuk Sabah bagi memastikan sebarang keperluan sokongan daripada peringkat Pusat dapat disalurkan dengan kadar segera termasuk dari segi logistik. Selain itu, pemantauan bencana dari semasa ke semasa turut dilakukan oleh NADMA melalui aplikasi *Whatsapp Group* yang dianggotai oleh wakil Agensi dan semua JPBN. Sebarang pemakluman berkenaan pengoperasian tindak balas banjir dan situasi bencana semasa telah dilaporkan oleh wakil-wakil JPBN yang terlibat dari semasa ke semasa.

7. Dari segi penyelarasan pasca bencana, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah melaksanakan penambahbaikan meliputi bantuan awal, pembersihan dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan JPBD bersama NGO berkaitan penyelarasan pengurusan bantuan melalui penglibatan wakil-wakil NGO di dalam mesyuarat penyelarasan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat.

8. Kerajaan juga menyambut baik komitmen Wakil-Wakil Rakyat untuk turut bersama di dalam menguruskan bencana di setiap peringkat. Justeru, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 September 2022 mengambil maklum antara lain cadangan supaya JPBD dianggotai oleh Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkaitan memastikan penyaluran maklumat dan penjelasan mengenai perkara atau fakta sebenar mengenai pengurusan banjir dapat diselaraskan dengan lebih cekap dan berkesan. Perkara ini telahpun disampaikan oleh NADMA kepada semua JPBN untuk tindakan lanjut mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menyelesaikan masalah liputan bagi talian telefon yang berlaku bukan sahaja di kawasan luar bandar, tetapi di kawasan bandar terutamanya di Wilayah Persekutuan Putrajaya, memandangkan rangkaian 5G dijangka akan mencapai liputan 80% menjelang 2024 oleh hampir 28 juta pengguna di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memastikan pihak pemberi perkhidmatan mempertingkatkan liputan jalur lebar mudah alih dari semasa ke semasa sama ada di luar bandar atau bandar, lebih-lebih lagi di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kadar peratusan terkini liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk di Putrajaya adalah pada kadar 100% bagi 2G, 100% bagi 4G dan 95.5% bagi 5G.

Sebanyak 8,150 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap di Wilayah Persekutuan Putrajaya melebihi daripada jumlah 8,098 yang dirancang di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1. Selain itu, sebanyak 207 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G. Sebanyak 32 menara baharu telah disiapkan dan dalam proses menyiapkan baki dua menara daripada sejumlah 34 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023. Selain itu juga, sebanyak 82 menara 5G telah siap beroperasi daripada sejumlah 116 menara 5G yang telah dirancang.

SKMM sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama pemberi perkhidmatan dan mengarahkan supaya setiap aduan rakyat diberikan perhatian serius serta bertindak segera memperbaiki tahap capaian liputan di semua kawasan yang bermasalah.

NO SOALAN: 46

Selain daripada usaha untuk membaiki tahap capaian liputan, pihak Suruhanjaya juga telah mengeluarkan Arahan Suruhanjaya kepada pemberi perkhidmatan yang gagal menepati kualiti perkhidmatan standard mandatori seperti diperuntukkan di bawah seksyen 109, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah segera dalam memulihkan kerosakan sistem LRT yang sering kali berlaku di ibu kota Kuala Lumpur sehingga membebaskan para pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikutan beberapa insiden gangguan operasi perkhidmatan *Light Rapid Transit* (LRT) yang berlaku, pihak Rapid Rail selaku pengendali keretapi berlesen bagi perkhidmatan LRT ini telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan segera bagi mengatasi isu-isu gangguan operasi ini.

2. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah menaik taraf sistem dan peralatan, contohnya, menaik taraf Sistem Persemboyanan & Komunikasi (*Signalling and Communications System*). Pelaksanaan menaik taraf sistem persemboyanan pada masa ini masih dalam proses perolehan melalui *Original Equipment Manufacturer (OEM)* secara berfasa dan penganugerahan kontrak dijangka akan dimuktamadkan pada bulan April 2023. Kerja-kerja menaik taraf ini melibatkan penukaran peralatan yang telah tamat tempoh jangka hayat serta menambah baik reka bentuk sistem yang sedia ada dan dijangka akan tamat sepenuhnya pada tahun 2026.

3. Dari sudut *Standard Operation Procedures (SOP)* pula, pihak Rapid Rail telah menambahbaik prosedur penyelenggaraan dan infrastruktur dengan membangunkan sistem yang responsif dan fleksibel bagi memastikan sebarang kegagalan dapat ditangani dengan segera. Contohnya, pelaksanaan Penyelenggaraan Berdasarkan Keadaan/*Condition Based Maintenance (CBM)* dan Penyelenggaraan Prediktif/*Predictive Maintenance (PdM)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan pemulihan ekonomi yang menyokong dan menjaga kebajikan pekerja ekonomi GIG yang telah memberi sumbangan besar terhadap sumber pertumbuhan utama negara dan juga mempengaruhi penyusunan semula kegiatan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan tidak menafikan bahawa pekerja ekonomi gig di negara ini telah memberi sumbangan besar terhadap sumber pertumbuhan utama negara dan juga mempengaruhi penyusunan semula kegiatan ekonomi. Oleh itu, Kerajaan melalui PERKESO telah merangka satu mekanisme perlindungan sosial yang terjamin untuk menyokong dan menjaga kebajikan pekerja sektor tidak formal termasuk golongan pekerja ekonomi gig iaitu Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Skim ini memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri (*self-employed*) di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] yang berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.

2. Skim ini memberi jaringan keselamatan sosial dengan menyediakan perlindungan di bawah Skim Bencana Pekerjaan sekiranya berlaku kejadian luar jangka semasa mereka menjalankan pekerjaan. Kadar bayaran caruman adalah serendah RM157.20 setahun atau RM13.10 sebulan untuk Pelan Pertama yang melayakkan Orang Berinsurans Bekerja Sendiri yang mengalami kemalangan berkaitan dengan pekerjaan mendapat faedah di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri seperti Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungan dan sebagainya.

3. Menerusi Bajet 2023, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Program Padanan Caruman Pekerja Sendiri. Melalui program ini, Kerajaan akan membiayai caruman sebanyak 80% atau RM186.20 dan baki 20% atau RM46.60 dibayar oleh Orang Berinsurans Bekerja Sendiri di bawah Pelan Kedua Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari 2022 hingga Disember 2022, seramai 133,063 Orang Berinsurans Bekerja Sendiri dalam kalangan pekerja ekonomi gig telah berdaftar dan mencarum di bawah Skim Perlindungan Sosial (SPS gig).

4. Di bawah Bajet 2023 juga, PERKESO diberi tanggungjawab oleh Kementerian Sumber Manusia untuk melaksanakan inisiatif Program Bina Kerjaya Pekerja Informal Gig Riders. Program Bina Kerjaya ini menyediakan elaun RM 500 sebulan bagi tempoh tiga (3) bulan kepada gig rider yang aktif menjalani latihan kemahiran untuk mendapat pekerjaan yang stabil dalam sektor formal. Subsidi bayaran Yuran Latihan juga disediakan untuk membolehkan pekerja gig menjalani pengajian *microcredentials* di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang akan membolehkan mereka lebih fokus kepada topik mengikut kesesuaian dan kemampuan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 22 MAC 2023**

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM
SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha-usaha
yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memperluaskan kempen
program pengumpulan sisa elektronik (e-Waste) dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, buangan sisa elektronik (*electronic waste* - e-waste) dikategorikan sebagai buangan terjadual kerana ianya mengandungi komponen berbahaya seperti merkuri, kadmium, kromium dan lain-lain bahan berbahaya. Sehubungan itu, pengurusan e-waste perlu dilaksanakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).
2. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pengurusan e-waste, Kementerian Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan pelan komunikasi bagi program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam dengan izin *communication, education, and public awareness* (CEPA) khusus berkenaan pengurusan e-waste secara *environmentally sound management* (ESM). Selain daripada itu, program ini diharap dapat memberi pendedahan mengenai mekanisme pengurusan e-waste yang sedang dibangunkan oleh jabatan termasuklah konsep *shared responsibility* dan *extended producer responsibility* (EPR).
3. Selain itu juga beberapa inisiatif telah diambil oleh JAS untuk memastikan kempen pengurusan e-waste dapat disampaikan dan difahami oleh masyarakat. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. “Program Hari Pengumpulan E-waste” pada hari Sabtu terakhir setiap bulan;
 - program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berkaitan pengurusan e-waste dan mengalakkan aktiviti pengumpulan e-waste dikalangan masyarakat.

- ii. pembangunan aplikasi mudah alih MyEwaste;
 - pembangunan aplikasi ini adalah bertujuan untuk memudahkan masyarakat dalam mengenalpasti dan navigasi ke pusat pengumpulan dan kemudahan pemerolehan kembali yang berhampiran serta memberi maklumat terkini berkenaan e-waste.

- iii. pembangunan laman web e-waste (<https://ewaste.doe.gov.my/>) yang menjadi satu wadah dalam menyampaikan maklumat berkaitan e-waste kepada orang awam; dan
 - laman web ini dibangunkan sebagai wadah dalam menyampaikan maklumat berkaitan e-waste kepada masyarakat termasuk program CEPA yang dianjurkan, maklumat berkaitan dokumen pendaftaran dan perundangan, lokasi pusat pengumpulan berdaftar dan kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan.

- iv. penubuhan pusat-pusat pengumpulan yang baharu di seluruh negara.
 - pusat sedia ada bagi pengumpulan e-waste adalah berjumlah 222.

4. Penglibatan di kalangan pihak berkuasa tempatan, pihak korporat dan swasta di dalam program dan kempen e-waste juga telah menunjukkan peningkatan. NRECC mengucapkan ribuan terima kasih atas penglibatan semua pihak akan kesedaran pengurusan e-waste yang lestari.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH : 22 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk meningkatkan bilangan peserta kursus pra perkahwinan bagi pasangan bukan Islam. Apakah tindakan Kementerian bagi menangani halangan untuk mewajibkan kursus ini bagi membolehkan kursus ini dimanfaatkan oleh semua pasangan baharu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin dan sentiasa memberi sokongan kepada usaha memperkukuhkan institusi perkahwinan dan membantu memastikan institusi keluarga terpelihara.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai usaha bagi mengukuhkan institusi keluarga melalui program pendidikan berkaitan ilmu perkahwinan dan kekeluargaan. Salah satu program pengukuhan institusi keluarga adalah Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART.

Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Kursus ini khusus kepada pasangan yang bakal berkahwin dan mereka yang baru mendirikan rumah tangga, bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan mengenai alam perkahwinan. Sehingga Disember 2021, sebanyak 699 program telah dilaksanakan, memanfaatkan seramai 28,219 peserta.

Pada tahun 2022, sebagai penambahbaikan kepada modul SMARTSTART sedia ada, modul SMARTSTART 2.0 telah dibangun dan diperkenalkan. Modul ini terbahagi kepada 3 fasa atau peringkat perkahwinan iaitu:

- (i) Fasa pra perkahwinan (sebelum berkahwin) bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pasangan tentang persediaan ke arah perkahwinan;
- (ii) Fasa romantika (bagi pasangan dengan usia perkahwinan 1 hingga 2 tahun) bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran ke arah memahami pasangan dan merancang masa depan keluarga; dan
- (iii) Fasa 2nd Honeymoon (usia perkahwinan tiga tahun ke atas) bertujuan memberi kemahiran pengurusan keluarga dan menyemarakkan kemesraan pasangan.

Pada masa ini, pelaksanaan Kursus Pra Perkahwinan SMARTSTART 2.0 dibuat secara kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di bawah program Bantuan Khas Perbendaharaan. Di bawah program ini, NGO yang bersesuaian telah diberi latihan dan boleh memohon bantuan khas kewangan tersebut untuk melaksanakan kursus ini.

Kementerian amat menggalakkan NGO untuk memohon bantuan khas kewangan ini bagi membolehkan lebih banyak kursus ini dilaksanakan. Taklimat mengenai bantuan khas ini serta program-program berkaitan telah dilaksanakan kepada NGO di peringkat LPPKN dan juga Kementerian. Bagi suku pertama 2023, LPPKN telah menerima permohonan daripada beberapa NGO dan dalam sedang proses saringan. Permohonan ini mensasarkan pelaksanaan kursus pra perkahwinan kepada 700 peserta bukan Islam.

NO SOALAN: 50

Selain itu, dalam usaha untuk mengatasi halangan kursus pra perkahwinan bukan Islam, LPPKN sedang dalam penyediaan kertas cadangan bagi menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji kebolehlaksanaan mewajibkan kursus pra perkahwinan bukan Islam. Jawatankuasa ini akan menjalankan kajian bagi mencadangkan program bersesuaian dan akan dibentangkan kepada Kabinet.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 22 MAC 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menangani isu hospital yang memberi mutu perkhidmatan yang kurang memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjalankan pelbagai inisiatif untuk memastikan mutu perkhidmatan yang disampaikan di hospital-hospital adalah berkualiti dan selamat. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan:

(a) Pertama, mewujudkan Badan Kawal Selia.

- (i) Badan kawal selia profesional disediakan sebagai platform untuk mengawal selia amalan profesional petugas kesihatan seperti pegawai perubatan, jururawat, pembantu pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi dan anggota sains kesihatan bersekutu.
- (ii) Dalam hal ini, elemen seliaan dilaksanakan melalui pendaftaran dan pelesenan bagi memastikan semua petugas kesihatan mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan.
- (iii) *Credentialing & Privileging* pula dilaksanakan bagi memastikan petugas kesihatan yang menjalankan prosedur-prosedur perubatan adalah cekap dan berkemampuan.

- (b) Kedua, melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus untuk meningkatkan kualiti.

Garis panduan pengurusan klinikal

- (i) Menerusi inisiatif khusus ini, petugas kesihatan dikehendaki melaksanakan audit klinikal di hospital berdasarkan Garis Panduan yang disediakan. Sebagai contoh, penyiasatan kes kematian pesakit hendaklah dilaksanakan berdasarkan:
- a. *Enquiry into Maternal Deaths* (CEMD) yang menyiasat kematian ibu;
 - b. *Perinatal Perioperative Mortality Review* (POMR) pula menyiasat kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun; dan
 - c. *Perioperative Mortality Review* merupakan semakan ke atas kesemua kematian yang berkait dengan pembedahan.
- (ii) *Clinical Practice Guideline* (CPG) pula merupakan panduan yang dibentuk untuk diguna pakai oleh anggota kesihatan dalam pengendalian satu-satu penyakit berdasarkan bukti saintifik yang terkini.

Pembudayaan cara kerja

- (iii) Selain daripada pematuhan terhadap garis panduan, adalah penting agar perkara yang dinyatakan dalam garis panduan tersebut dijadikan amalan. Oleh itu, KKM sentiasa menerapkan Amalan Budaya Korporat sebagai satu budaya kerja cemerlang kepada semua anggota KKM ke arah mencapai misi dan visi kementerian. Budaya ini menerapkan tiga (3) nilai utama iaitu Penyayang, Profesionalisme dan Bekerja secara berpasukan;

Akreditasi

- (iv) Seterusnya KKM memperkenalkan kaedah akreditasi bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada pesakit yang mana, amalan 'good governance' ini diukur melalui pemantauan terhadap Petunjuk Prestasi Utama atau KPI dengan menggunakan beberapa indikator yang telah dikenal pasti. Pencapaian KPI ini seterusnya akan dijadikan sebagai rujukan dalam aktiviti penambahbaikan;

Pengurusan aduan

- (v) Sebagai pelengkap kepada amalan 'good governance', KKM sentiasa bersikap responsif terhadap aduan-aduan yang dikemukakan oleh pemegang-pemegang taruh. Oleh itu, Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam KKM dan Unit Nilai dan Etika Perubatan telah ditubuhkan bagi memantapkan pengurusan aduan daripada orang awam

terutamanya pesakit. Kajian kepuasan pelanggan turut dijalankan bagi menilai tahap kepuasan dan mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik.

Pewujudan Program Keselamatan Pesakit

(vi) KKM komited untuk memastikan keselamatan pesakit dijaga sepanjang masa berada di hospital KKM. Sehubungan itu, Program Keselamatan Pesakit diwujudkan bagi mencegah kemudaratan yang boleh terjadi semasa pesakit menerima rawatan. Program ini dilaksanakan dengan memberikan pendedahan kepada pemegang-pemegang taruh di hospital. Contoh program keselamatan pesakit di Malaysia adalah *Malaysian Patient Safety Goals, Incident Reporting & Learning System*, Program Keselamatan Pembedahan, Keselamatan Pengubatan, Keselamatan Transfusi, Pencegahan Pesakit Jatuh serta Kawalan dan Pencegahan Infeksi.

(c) Ketiga ialah melalui pendekatan berdasarkan inisiatif peningkatan kualiti.

Bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, program *Lean Healthcare* diwujudkan untuk meminimumkan proses, prosedur dan kerja melalui satu sistem. *Lean Healthcare* dapat membantu mengurangkan masa menunggu pesakit selain dapat meningkatkan kepuasan pelanggan.

NO SOALAN: 51

2. KKM akan terus komited dalam menerajui pelbagai langkah bagi menambah baik mutu pemberian perkhidmatan di hospital dan akan menjalankan semakan semula ke atas aktiviti-aktiviti yang dijalankan dari masa ke semasa mengikut keperluan terkini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 22 MAC 2023

DATO' HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk mewujudkan dasar atau polisi yang mewajibkan pihak bank membayar ganti rugi ataupun pampasan kepada mangsa penipuan atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu jenayah siber atau penipuan dalam talian ini bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di peringkat global. Kerajaan memandang serius akan perkara ini dan sedang mengambil langkah-langkah yang berterusan bersama-sama agensi dan badan yang berkaitan untuk menangani isu ini. Di Malaysia, secara kesimpulannya, langkah yang diambil merangkumi tiga aspek teras – pertama, langkah-langkah pencegahan; kedua, penguatkuasaan dan yang ketiga, pendidikan dan kesedaran.

Untuk industri kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menetapkan keperluan untuk bank-bank memastikan kawalan dan standard keselamatan mereka sentiasa berada pada tahap tertinggi pada setiap masa, terutamanya bagi perkhidmatan perbankan Internet dan mudah alih.

Berkaitan mekanisma pampasan dana pemulihan melalui perkongsian liabiliti, perkara ini masih lagi dalam kajian. Antara faktor utama yang perlu diambil kira dalam meneliti mekanisma ini termasuklah memastikan faktor model yang dicadangkan adalah adil dan saksama kepada pihak pengguna dan pihak bank. Ianya perlu mengambil kira kelemahan yang mungkin ditunjukkan oleh kedua-dua pihak dan kewajaran sebarang perkongsian liabiliti. Ini bagi mengelakkan sebarang kesan yang tidak diingini seperti bahaya moral (*moral hazard*) di mana ada pihak yang mungkin akan lalai dalam tanggungjawab mereka

disebabkan jaminan tanggungan pampasan oleh pihak yang satu lagi, sekiranya mekanisma ini diperkenalkan kelak.

Selain itu, mangsa juga boleh mengemukakan aduan kepada:

- i. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (*Ombudsman for Financial Services, OFS*), sekiranya terdapat sebarang pertikaian terhadap keputusan siasatan, dan jika mangsa masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak bank atau nilai pampasan yang ditawarkan. OFS akan menjalankan penyiasatan secara teliti, bebas dan telus bagi memastikan penilaian yang bebas “*independent assessment*” kepada pengguna; atau
- ii. Mangsa juga boleh mengemukakan aduan kepada BNM sekiranya tidak berpuas hati dengan cara pengendalian aduan mereka oleh pihak bank. BNM sentiasa memantau amalan dan mekanisma pihak bank dalam menyelesaikan aduan kes penipuan kewangan bagi memastikan mangsa diberi layanan yang sewajarnya selaras dengan prinsip “Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan” yang dikeluarkan oleh BNM.

Mangsa jenayah scam dalam talian dinasihatkan untuk menghubungi segera Pusat Respons Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre, NSRC*) melalui talian pantas 997, bagi melaporkan kes mereka untuk pengesanan dan penyekatan aliran dana yang telah dicuri supaya kerugian kewangan yang lebih besar dapat dibendung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 22 MAC 2023**

DATUK LIM PAY HEN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif penambahbaikan yang akan diperhalusi setelah usaha ini dilaksanakan pasca PRU14 bagi memastikan inisiatif pengisytiharan aset oleh Jemaah Menteri secara telus.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) Siri 16 Bil. 2 Tahun 2022 pada 19 September 2022 telah bersetuju supaya kod etika sedia ada berkaitan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen kepada YAB Perdana Menteri ditambah baik mengambil kira prinsip pengasingan kuasa antara pihak eksekutif dan pihak legislatif. JKKMAR juga bersetuju supaya diwujudkan pemantauan yang lebih baik ke atas pematuhan perisytiharan harta agar matlamat untuk mewujudkan kepimpinan politik berintegriti dan berakauntabiliti dapat dicapai.

2. Sehubungan itu, JKKMAR bersetuju supaya diperkenalkan satu kod etika khusus untuk Ahli Parlimen dalam Akta Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Akta 347) yang merangkumi sama Anggota Jemaah Menteri. Pengenalan kod etika tersebut akan mengekalkan prinsip pengasingan kuasa di mana badan legislatif akan menentukan sendiri tata kelakuan Ahli-ahli Parlimen dalam isu perisytiharan harta tanpa berpandukan kepada Kod Etika yang dikeluarkan oleh badan eksekutif. Kod etika tersebut akan mengambil kira aspek tindakan yang boleh dikenakan sekiranya mana-mana Ahli Parlimen tidak mematuhi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 22 MAC 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah isu masalah kekurangan doktor, jururawat dan katil berlaku di hospital negara kita dan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga 31 Disember 2022, terdapat seramai 54,632 Pegawai Perubatan yang terdiri daripada 6,985 Pakar Perubatan dan 47,647 Pegawai Perubatan, 69,608 Jururawat serta 19,822 Penolong Pegawai Perubatan yang berkhidmat di fasiliti kesihatan KKM seluruh negara.
2. KKM turut menerima pertambahan perjawatan dan bilangan anggota yang turut disokong oleh anggota lantikan kontrak pelbagai skim. Sungguhpun begitu, terdapat peningkatan mendadak bagi jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan sejak kebelakangan ini. Peningkatan secara mendadak jumlah pesakit dalam suatu masa berbanding dengan jumlah dan keupayaan anggota kesihatan yang ada di suatu fasiliti kesihatan tersebut telah memberi gambaran seolah-olah KKM mengalami kekurangan anggota di fasiliti kesihatan.
3. Justeru, KKM turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan bilangan Pegawai Perubatan, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan sentiasa mencukupi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada rakyat. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 54

- (i) mewujudkan jawatan baharu sebanyak 1,500 perjawatan bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi untuk tahun 2023 hingga 2025 selaras dengan keputusan Kerajaan pada 19 Januari 2022;
- (ii) Memohon kepada Agensi Pusat bagi mewujudkan jawatan tambahan secara berfasa melibatkan pelbagai skim perkhidmatan bagi fasiliti sedia ada KKM untuk tahun 2023 hingga 2025;
- (iii) Melantik tetap seramai 4,263 Pegawai Perubatan yang dijadual akan selesai pada Julai 2023;
- (iv) Melaksanakan pelantikan tetap secara berfasa melibatkan 2,336 Jururawat kontrak lantikan swasta iaitu graduan kejururawatan keluaran institusi latihan selain Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) yang mula berkhidmat di KKM sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Bagi fasa pertama, seramai 620 orang telah dilantik untuk mengisi jawatan tetap dan selebihnya akan dilaksanakan secara berfasa sehingga Disember 2023;
- (v) Melantik tetap seramai 362 orang Penolong Pegawai Perubatan keluaran ILKKM dan melantik secara kontrak seramai 363 orang Penolong Pegawai Perubatan ILKKM keluaran Jun 2022 dalam tahun 2023; dan

- (vi) Melantik semula secara kontrak seramai 870 orang Penolong Pegawai Perubatan keluaran ILKMM yang akan tamat kontrak dalam tahun 2023.

Sekian, terima kasih.